



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

---

**Jilid II**

**Bil. 24**

**Hari Isnin**

**12hb Disember, 1988**

---

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**(Ruangan 1 )**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1989**

**(Ruangan 34)**

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat**

**(Ruangan 106; 139)**



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Isnin, 12hb Disember, 1988**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D 0 A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**RAKYAT MALAYSIA DI BURMA**

1. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai kedudukan rakyat kita yang berniaga di Negeri Burma termasuk keselamatan mereka/kakitangan Kedutaan kita berikutan kacau-bilau yang berlaku di negara itu baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Selain dari kakitangan Kedutaan Besar Malaysia di Rangoon, tidak ada rakyat Malaysia, sama ada yang berniaga atau yang bermastautin di Burma.

Kakitangan Kedutaan Besar Malaysia dan ahli keluarga mereka yang berjumlah 36 orang semuanya adalah dalam keadaan selamat. Di saat-saat kemuncak pergolakan politik yang berlaku di sana, ahli-ahli keluarga kakitangan kita telah dipindahkan keluar dari Rangoon untuk kembali ke Malaysia pada 9hb September, 1988. Walau bagaimanapun, setelah keadaan dalam negara Burma itu semakin pulih, mereka telah pun kembali semula ke Rangoon pada 25hb Oktober, 1988.

**Tuan P. Balaram:** Bagaimanakah perhubungan di antara Malaysia dengan Burma selepas kejadian di negara Burma itu?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku itu adalah soal hal ehwal dalam negara Burma itu sendiri. Jadi negara Burma dan rakyat Burma adalah sahabat kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No, 2.

**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA - KEUNTUNGAN**

2. **Puan Rokiah binti Zainuddin [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) keuntungan yang diperolehi oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera selama lima tahun yang lepas ;
- (b) dividen yang dibayar kepada penjarum selama lima tahun yang lepas;
- (c) derma yang diberi kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia selama lima tahun yang lepas; dan
- (d) sama ada Lembaga Tabung Angkatan Tentera bercadang untuk menambahkan dermanya kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

**Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj]:**

Tuan Yang di-Pertua, menjawab bahagian (a), keuntungan bersih yang diperolehi oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera selama lima tahun yang lepas adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Keuntungan Bersih</b>
1983	\$ 72,914,438
1984	98,229,172
1985	101,107,166
1986	85,802,682
1987	91,536,990

(b) Bersabit dengan dividen yang dibayar kepada penjarum selama lima tahun yang lepas ialah:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Dividen</b>	<b>Kadar Dividen</b>
1983	\$66,092,901	8.5%
1984	83,938,476	8.75%
1985	93,632,519	8.75%
1986	95,908,641	8.0%
1987	85,745,507	6.5%

(c) Jumlah derma yang telah disumbangkan oleh Tabung dan anak-anak syarikatnya bagi tempoh tersebut kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>LTAT</b>	<b>Anak-anak Syarikat</b>
1984	-	\$4,500
1985		
1986	10,000	4,000
1987	2,000	4,500
1988	4,000	11,500

Di samping derma di atas, Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah berusaha memungut lebih \$50,000 untuk Derma Rayuan Hari Pahlawan bagi tahun 1988.

(d) Adalah sukar pada tahap ini untuk Lembaga Tabung Angkatan Tentera meberikan "commitment" sama ada untuk menambah atau tidak dermanya kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia kerana tanggungjawab Tabung seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Tabung Angkatan Tentera ialah untuk membayar dividen yang maksima daripada keuntungan dan faedah-faedah lain kepada pencarum-pencarumnya iaitu askar-askar yang masih di dalam perkhidmatan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada keuntungan yang besar yang didapati oleh Tabung Angkatan Tentera ini adakah Tabung ini terlibat di dalam projek perumahan untuk Angkatan Tentera sendiri? Kalau tidak ada, adakah bercadang untuk berbuat demikian bagi mengatasi masalah rumah Angkatan Tentera itu sendiri?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tabung itu sendiri tidak terlibat di dalam pembinaan rumah untuk Angkatan Tentera tetapi anak syarikatnya bernama Perwira Harta Sdn. Bhd iaitu 100% hak miliki Tabung yang membuat bangunan perumahan, Saya sukalah menyatakan di sini iaitu buat masa sekarang ada cadangan-cadangan Syarikat Perwira Harta ini bersedia untuk membarikan sumbangan, walhal ini tertakluk kepada perataran-peraturan yang tertentu iaitu mesti ada tender dan ada competition; dengan izin, bersama dengan syarikat-syarikat yang lain. Bagi pihak kita bersedialah memberikan, pihak Tabung atau Perwira Harta Sdn. Bhd sedia memberikan apa sahaja pertolongan untuk setiap askar-askar ini mendapat rumah keluarga yang seberapa segera yang boleh.

Jadi, saya suka menyatakan oleh sebab sekarang ini Kerajaan telahpun menekankan supaya memberi keutamaan untuk perumahan kepada askar-askar kita maka dengan ini kita akan berbincang dengan sehalus-halusnya agar Perwira Harta Sdn. Bhd ini dapat memberikan sumbangan dan kerjasama demi untuk kepentingan Angkatan Tentera kita.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan, sama ada Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini sebagai Lembaga yang mewakili kepentingan bumiputera menyediakan diri untuk memainkan peranan yang lebih agresif untuk merebut peluang-peluang yang sekarang sedang ditimbulkan oleh Kerajaan berhubung dengan penswastaan dan juga dalam pelaburan-pelaburan yang sedang digalakkan oleh Kerajaan sekarang?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, Tabung Angkatan Tentera pada masa yang lampau telahpun membuat prestasi yang baik dari segi pelaburan. Sepertimana yang telahpun saya berikan dalam jawapan saya awal tadi iaitu sungguhpun dalam masa recession, kelemahan ekonomi dunia dan sama juga negara kita ini, kita telahpun dapat mencatatkan keuntungan pada tahun 1987 \$91 juta dan juga pada keuntungan tahun-tahun yang lepas. Dengan ini kita telahpun memainkan peranan yang penting untuk membawakan ekonomi dan dari segi untuk sumbangan sebagai Tabung sungguhpun tidak dilitihkan sebagai bumiputera tetapi oleh sebab ahli-ahlinya demi untuk kepentingan tentera atau ahli-ahli askar semua, maka keuntungan dividen ini akan diberikan kepada askar-askar dari segi dividen, maka bolehlah keuntungan dan peranan dimainkan oleh Tabung ini disifatkan oleh bumiputera juga tidak secara langsung.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain dari derma yang diberi kepada Persatuan Bekas Perajurit, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah Lembaga Tabung Angkatan Tentera bercadang mewujudkan

satu pusat khidmat nasihat dan kebajikan untuk balu-balu perajurit serta anak-anak mereka yang menganggur?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tabung Angkatan Tentera tidak ada, malah cadangan pun tidak ada untuk menubuhkan pusat khidmat nasihat untuk bekas-bekas perajurit oleh sebab perkara ini telahpun diadakan di Kementerian Pertahanan sendiri iaitu Bahagian Bekas Perajurit, di Kementerian Pertahanan yang mana kerjasama di antara Persatuan Bekas Perajurit dengan Bahagian Bekas Perajurit di Kementerian Pertahanan ini sentiasa ada dan kita mencadangkan banyak cadangan-cadangan atau programme of action dengan izin, untuk kebaikan supaya bekas-bekas perajurit ini dapat kerja dan sebagainya baik pun di agensi-agensi Kerajaan ataupun pejabat-pejabat Kerajaan sendiri tetapi juga di peringkat Kerajaan-kerajaan Negeri.

Maka saya, rasa perlulah disebutkan bahawa Persatuan Bekas Perajurit telahpun bangunan dengan pertolongan serta sumbangan Kerajaan, kalau tidak salah saya iaitu dengan ratio 2:1, kalau Persatuan Bekas Perajurit mengutiup wang \$1 Kerajaan beri \$2 untuk membangunkan Wisma Pahlawan yang ada kalau tidak salah saya berhampiran dengan Bulatan Edinburgh.

Dengan adanya bangunan itu, dari sewa-sewanya Persatuan Bekas Perajurit dapatlah menolong ahli-ahlinya terdiri dari bekas-bekas perajurit ini.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** [Bangun]

**Dato' Haji Abu Bakar bin Lajim:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hanya benarkan satu sahaja soalan tambahan lagi kerana soalan tambahan sudah banyak. Persilakan Yang Berhormat Puan Mazidah.



**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Terima kasih banyak-banyak, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja iaitu mengenai Persatuan Bekas Perajurit ini, siapakah yang layak menjadi ahli, adakah ianya secara automatik terbuka hanya kepada seperti bekas-bekas perajurit sahaja ataupun termasuk kaum keluarga seperti isteri dan anak-anak dan setakat ini berapa ramaikah bilangan ahli-ahlinya?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengucapkan terima kasih kerana begitu minatnya Ahli-ahli Senate ini termasuklah Senator wanita yang menunjukkan bukti bahawa kita tidak melupakan jasa dan khidmat bekas perajurit.

Saya sukalah menyatakan keahliannya terbuka hanya kepada bekas perajurit untuk menjadi ahli Persatuan Bekas Perajurit. Tetapi untuk menjadi ahli dalam Tabung Angkatan Tentera ini dikhaskan kepada lain-lain pangkat. Pegawai boleh juga memasukinya dengan tidak ada paksaan, tetapi mengikut undang-undang lain-lain pangkat mesti masuk menjadi ahli Tabung Angkatan Tentera. Tetapi untuk menjadi ahli Persatuan Bekas Perajurit itu berlainan. Itu hanya dikhaskan kepada bekas perajurit sahaja, termasuklah pegawai sama. Jadi balu-balu dan keluarga mereka selalunya mendapat pertolongan welfare daripada Persatuan Ini. Jadi, saya rasa sungguhpun mereka tidak menjadi ahli, mereka mendapat keuntungan dengan memberikan bayaran, scholarship bermacam-macam biasiswa diberikan kepada keluarga serta pertolongan kepada balu-balu. Jadi, saya rasa tidak perlu mereka menjadi ahli.

**Dato' Haji Abu Bakar bin Lajim:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat, jika hendak bertanya saya beri peluang.

**Dato' Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan pertanyaan. Saya ingin penjelasan. Tabung Angkatan Tentera ini sebenarnya adakah untuk bumiputera sahaja ataupun untuk semua kaum?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Semua ahli-ahli yang menjadi tentera yang menjadi ahli kena bayar peratusan daripada gaji mereka kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini. Mereka tidak bayar EPF seperti mana yang lain. Jadi Tabung Angkatan Tentera ini adalah EPF askar, jadi terbuka kepada semua askar dan semua bangsa.

**BANGUNAN PARLIMEN - PENGUBAHSUAIAN**

3. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah wang yang digunakan untuk mengubahsuai, pembetulan, pembaikan dan pembaharuan Bangunan Parlimen baru-baru ini. Apakah Perdana Menteri puashati dengan ubahsuai, pembetulan yang dilakukan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Kasitah bin Gaddam]:** TuanYang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan sebanyak \$26.38 juta untuk kerja-kerja membaiki dan mengubahsuai Bangunan Parlimen. Dari jumlah tersebut sebanyak \$12 juta diluluskan dalam tahun 1985 dan \$14.35 juta dalam tahun 1987. Setakat ini sebanyak \$23 juta telah dibelanjakan dari jumlah keseluruhan bagi kerja-kerja yang dibutirkan seperti berikut:

- (i) kerja-kerja pembaikan dan penggantian bagi kerja-kerja bangunan sebanyak \$9.5 juta;
- (ii) kerja-kerja pembaikan dan penggantian bagi kerja-kerja elektrik, jentera, pencegahan api, telefon sebanyak \$9.5 juta;
- (iii) kerja-kerja pembaharuan bilik-bilik Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, surau, kantin, dewan makan, bilik-bilik Pembangkang sebanyak \$1 juta; dan
- (iv) anggaran kos kerja tambahan sedang dilaksanakan sebanyak \$3 juta.

Ingin dimaklumkan juga bahawa baki dari peruntukan yang diluluskan itu akan dibelanjakan pada tahun hadapan bagi kerja-kerja pembaikan dan penggantian yang lain-lain yang telah dikenalpasti. Oleh kerana usia Bangunan Parlimen telah meningkat lebih kurang 25 tahun sejak ia mula-mula dibina dan sebahagian besar bahan-bahan bangunan serta kelengkapan bangunan yang sedia ada telah rosak dan

sukar diperbaiki, maka pembaikan dan pengubahsuaian yang dilaksanakan itu adalah memuaskan, jika dibandingkan dengan keadaan yang dahulu.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas penjelasan itu dan saya faham Pertanyaan saya ialah, benarkah sekarang ini, bangunan Parlimen ini diambil alih segenap pengubahsuaian, pembaharuan, pembetulan dan sebagainya oleh JKR? Jadi sekarang ini bangunan Parlimen ini sama seperti jabatan-jabatan atau rumah Kerajaan yang lain. Pegawai-pegawai yang ada dalam bangunan Parlimen ini sama seperti orang-orang yang duduk di pejabat-pejabat lain tidak mempunyai kuasa otonomi. Mengapa ini berlaku gedangkan ini adalah satu bangunan yang paling istimewa dalam negara kita sebagai Bangunan Parlimen?

**Datuk Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, semua bangunan-bangunan Kerajaan yang diubahsuai ataupun yang dibangunkan dan yang memerlukan tender akan dilaksanakan oleh JKR, dan JKRLah pelaksana bagi pihak Kerajaan untuk melaksanakannya.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya satu soalan yang pernah dikemukakan oleh sahabat saya di dalam ucapannya, iaitu Senator Mazidah, tetapi hari ini oleh sebab Menteri berkenaan ada, saya rasa saya hendak tujukan pertanyaan itu 'direct' kepadanya iaitu, apakah guna bangunan menara yang ada di Parlimen ini sendiri? Kami difahamkan ada bilik-bilik yang disediakan untuk Wakil-wakil Rakyat ataupun Ahli-ahli Parlimen. Jadi bagaimana nasibnya dengan Ahli-ahli Dewan Negara?

**Datuk Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil perhatian.

**KONTRAK KEPADA BUMIPUTERA**

4. **Dr. Nawawi bin Mat Awin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan semenjak kontrak besar-besaran pembekalan air diberi:

- (a) berapakah jumlah dan peratusan bekalan barang dan perkhidmatan yang telah diperolehi oleh peniaga dan pengusaha bumiputera; dan
- (b) daripada angka di atas berapakah jumlah syarikat bumiputera itu serta taburannya mengikut negara dan mengikut modal yang dibayar seperti berikut:-
  - (a) \$100,000 ke bawah;
  - (b) \$100,001 - \$250,000;
  - (c) \$250,001 - \$500,000;
  - (d) \$500,001 - \$1,000,000;
  - (e) \$1,000,001 ke atas,

dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan pembahagian yang saksama bagi bumiputera untuk semua projek-projek yang diswastakan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb November, 1988 nilai dan peratusan pembekalan 'steel pipe' yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera ialah sebanyak 337,352,694 atau 74.9% dari jumlah keseluruhan kerja-kerja pembekalan barangan itu yang diserahkan kepada pembekal-pembekal tempatan, manakala nilai dan peratusan perkhidmatan untuk tempoh yang sama yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera ialah sebanyak \$9,601,015 atau 62% dari jumlah nilai kerja-kerja perkhidmatan yang diserahkan kepada pengusaha-pengusaha tempatan.
- (b) Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat yang ingin tahu mengenai bilangan syarikat-syarikat bumi-

putera yang memperolehi kerja-kerja pembekalan dan perkhidmatan, sukacita dimaklumkan bahawa sebanyak 4 syarikat bumiputera telah mendapat kerja-kerja pembekalan dan kesemuanya adalah dari Wilayah Persekutuan, manakala sebanyak 11 syarikat bumiputera telah diberi kerja-kerja perkhidmatan dan kesemua syarikat ini dari Wilayah Persekutuan

Mengenai penyusunan syarikat-syarikat tersebut mengikut jumlah modal berbayar, dukacita saya tidak dapat memberikan maklumat itu sekarang kerana maklumat-maklumat itu tiada di dalam rekod Kementerian Kerjaraya dan ianya memerlukan masa untuk mendapatkannya. Jika Ahli Yang Berhormat masih memerlukan, bolehlah saya menghantarnya apabila maklumat-maklumat itu diperolehi.

- (c) Menyentuh mengenai, langkah-langkah yang diambil untuk menentukan pembahagian yang saksama, bagi bumiputera untuk projek-projek yang diswastakan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya sememangnya mengadakan pengawasan yang rapi ke atas projek-projek sedemikian di mana beberapa buah jawatankuasa ditubuhkan. Jawatankuasa ini bermesyuarat secara kerap untuk memastikan perlaksanaan projek dan syarat-syarat perjanjian dipatuhi sepenuhnya.

#### PROGRAM KAWALAN MUTU MAKANAN

5. **Puan Hajjah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian ini menubuhkan Bahagian Penyalahgunaan Racun dan Ubat-ubatan bagi menapis semua pengeluaran makanan oleh kilang-kilang atau pengusaha-pengusaha bagi menjaga keselamatan rakyat dan disesuaikan dengan makanan halal, dan adakah pegawai-pegawai yang mengendalikan bahagian ini pakar dalam bidang teknologi bahan-bahan makanan dan pakar dalam hukum syarak mengenai makanan Islam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dr. Ting Chew Peh]** : Tuan Yang di-Pertua, satu program yang dinamakan Program

Kawalan Mutu Makanan telahpun diwujudkan di bawah Kementerian Kesihatan sejak tahun 1974. Di bawah program ini pengeluaran makanan telah dikawal melalui aktiviti pemeriksaan kilang dan premis makanan yang dikuatkuasakan di bawah Ordinan Makanan dan Dadah 1952, dan mulai tahun 1985 di bawah Akta Makanan 1983 dan juga Peraturan-peraturan Makanan 1985.

Di samping itu, Pegawai-pegawai Penguatkuasaan yang menguatkuasakan undang-undang ini sentiasa mengambil contoh makanan untuk dianalisa di makmal-makmal makanan terutamanya di makmal-makmal Jabatan Kimia. Pegawai-pegawai yang mengendalikan program ini adalah pakar dalam bidang teknologi makanan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini juga sentiasa berbincang dengan agensi-agensi lain seperti MARDI dan SIRIM dalam soal-soal berkaitan dengan mutu makanan.

Berhubung dengan aspek makanan halal, Kementerian Kesihatan sentiasa bekerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri di mana satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Mengkaji Bahan Makanan dan Penggunaan Orang Islam telah ditubuhkan.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masa Jawatankuasa ini bertindak, tidakkah pernah kedapatan pihak-pihak yang memproses makanan ini terutamanya mengenai makanan yang halal melakukan kesilapan. Ertinya, pernah kejadian makanan ditulis di luarnya 'halal' tetapi sebenarnya bahan-bahan makanan itu tidak halal. Saya ingin tahu ada berapa kes yang berlaku begitu?

**Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, daripada rekod yang ada pada Kementerian Kesihatan tentang pemeriksaan yang dilakukan ke atas kilang itu didapati bahawa ada pengilang-pengilang yang melanggar peraturan dan mereka dihadapkan ke mahkamah. Jadi kalau mereka didapati bersalah maka mereka dikenakan denda dan yang lain itu diberikan amaran secara bertulis. Di sini saya tidak ada rekod sama ada yang melanggar undang-undang itu, berhubung dengan labelling atau jenis kesalahan yang lain.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan mengenai pengawalan mutu makanan sebagaimana yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi. Di peringkat Majlis Daerah lesen untuk mengeluarkan makanan umpamanya roti dan sebagainya pernah dikeluarkan tetapi Merinyu Kesihatan di peringkat Majlis Daerah ini tidak ada kuasa untuk membuat sesuatu, Satu perkara yang berlaku iaitu bahawa satu kilang roti telah dapat diketahui adanya campuran lemak babi, kemudian roti itu diedarkan kepada masyarakat Islam. Saya ingin penjelasan apa kuasa yang diberi kepada Merinyu Kesihatan dalam Majlis Daerah untuk mengambil peranan tentang makanan-makanan yang tidak terkawal ini.

**Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penguasa tempatan itu mempunyai kuasa untuk menghadapkan para pesalah itu ke mahkamah sekiranya mereka didapati bersalah dan didapati melanggar peraturan yang sedia ada.



**PELAN INDUK PERINDUSTRIAN**

6. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa salah satu matlamat Pelan Induk Perindustrian ialah untuk menggalakkan penggunaan sumber kayu tempatan untuk dijadikan perabot untuk dieksport:

- (a) sehingga sekarang berapakah jumlah kilang perabot kayu dan rotan serta daripada jumlah ini berapakah kilang yang mengeksport perabot; dan
- (b) apakah bentuk bantuan yang telah Kerajaan berikan untuk menggalakkan eksport perabot Malaysia, terutamanya bagi pengilang yang menghadapi kesulitan mendapatkan pinjaman bank.

**Menteri Perusahaan Utama [Dato' Dr. Lim Keng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini dianggarkan kira-kira 2,000 buah kilang perabot kayu dan rotan terdapat di Malaysia. Daripada jumlah ini sebanyak 80 buah kilang perabot telah menceburi di pasaran eksport, yang terdiri dari 50 pengeksport perabot kayu dan 30 pengeksport perabot rotan.
- (b) Kerajaan telah menyediakan berbagai bentuk bantuan bagi menggalak eksport perabot keluar negeri seperti berikut:-
  - (i) Bagi meningkatkan mutu dan kecekapan keluaran perabot Malaysia, Kerajaan telah menyediakan skim-skim latihan yang lebih baik bagi peringkat pengurusan, penyeliaan dan operator terutamanya bagi mengendalikan teknologi moden. Usaha juga sedang dijalankan bagi mengadakan piawsian mutu perabot dan kemudahan untuk menguji piawaian mutu perabot-perabot yang dicadangkan untuk dieksport serta mengadakan Pusat Senireka untuk memberi khidmat senireka atau nasihat dari segi senireka.

- (ii) Di bidang pemasaran perabot, Kerajaan telah mengatur beberapa misi kajian pasaran dan menyertai pameran-pameran perabot di luar negeri misalnya ke Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat bagi mencari pasaran baru dan mengukuhkan pasaran tradisi perabot Malaysia.
- (iii) Menubuhkan perkampungan perabot (furniture village) di beberapa kawasan perindustrian supaya industri berkenaan dapat dipusatkan di kawasan yang strategik dari segi inpu-input untuk tujuan eksport. Langkah-langkah sedang diambil untuk meningkatkan lebih banyak penubuhan zon-zon khas pemprosesan kayu.
- (iv) Bagi memastikan sumber bahan mentah mencukupi untuk industri perabot, Kerajaan telah mengenakan duti ke atas eksport rotan mentah dan mengharamkan pengeksporan balak dari Semenanjung.
- (v) Menyediakan Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) yang disalurkan melalui institusi kewangan, bagi membantu pengeksport-pengeksport.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama kalau sekarang ini sudah ada 2,000 kilang dan 80 kilang yang mengambil bahagian di dalam bahagian mengeksport perabot, saya ingin tahu projek yang sekarang ini sedang dikendalikan di Olak Lempik, Kuala Langat itu apakah merupakan tambahan kepada kilang untuk mengeksport perabot atau hendak mewujudkan perkampungan perabot. Adakah Kerajaan sudah mengkaji? Kalau perkara ini tidak dikaji sedalam-dalamnya saya kluatir apabila rotan manau kita besok sudah boleh dituai 15 tahun akan datang atau kayu-kayu tropika kita ini besok makin jatuh mutunya bahawa kilang yang ada 2,000 itu, 80 yang mengambil bahagian eksport dan yang akan dibina di Olak Lempik itu akan menghadapi masalah pemasaran. Kalau menghadapi masalah pemasaran, apakah kita telah fikirkan bahawa ini besok akan menjadi satu tempelakan kepada orang ramai, kepada rakyat bahawa Kerajaan tidak berhati-hati dalam hendak melaksanakan satu kompleks yang begitu besar di Olak Lempik, Kuala Langat.

Namun demikian, sebagai orang Kuala Langat saya terima kasih kompleks itu dibuat di situ, sekurang-kurangnya dapat membantu penganggur tetapi kalau perkampungan ini untuk menjaga mutu perabot, saya tidak fikir penganggur biasa boleh dapat bekerja di situ. Mungkin nanti akan dibawa tukang-tukang kayu, tukang-tukang perabot yang kelas A untuk duduk di situ, bukan lagi buruh-buruh biasa.

**Dato' Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya telah sebut jumlah kilang-kilang perabot yang ada di Malaysia adalah 2,000, tetapi banyak kali saya pun sudah menyatakan 2,000 kilang ini adalah sebenarnya kebanyakannya dalam status bengkel sahaja yang mana mereka membuat perabot-perabot untuk pasaran tempatan dan hanya 80 adalah masuk di dalam aktiviti untuk mengilangkan perabot untuk mengeksport keluar negeri.

Tujuan untuk mengadakan perkampungan perabot khas yang pertama di Olak Lempik di negeri Selangor adalah untuk memusatkan semua kemudahan seperti 'showrooms' dan kemudahan-kemudahan untuk menolong kilang-kilang perabot yang berminat untuk eksport dengan mengadakan kemudahan untuk meningkatkan mutu perabot-perabot yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang mahu, menggunakan kawasan khas itu untuk mengeksportkan pengeluaran-pengeluaran mereka.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi maknanya projek yang di Kuala Langat itu untuk kilang-kilang lain datang mengumpulkan barangnya untuk dipamerkan, untuk dieksport, bukanlah memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak Kuala Langat. Jadi saya fahamlah sekarang ini.

**PARAQUAT -DILARANG PENGGUNAAN**

7. **Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada paraquat, sejenis weedkiller, dilarang sama sekali memandangkan para pekerja menjadi mangsa kepada racun ini, Apakah Kementerian ini sedar bahawa para pekerja tidak diberi peralatan keselamatan untuk mempertahankan dari serangan racun ini.

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mabd. Kassim bin Ahmed]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini penggunaan racun rumpai paraquat tidak dilarang memandangkan tidak ada racun rumpai yang lebih, cost-effective, dengan izin. Racun rumpai ini boleh digunakan asalkan ia telah didaftar dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak. Walau bagaimanapun, di bawah Kaedah-kaedah Perlesenan 1988 yang dilaksanakan pada 1hb September, 1988, penjualan racun rumpai paraquat adalah dikawal di mana ia tidak boleh dijual kepada orang yang kurang umur dari 18 tahun dan penjual dikehendaki merekodkan nama, alamat dan nombor kad pengenalan setiap pembeli.

Kementerian Pertanian memang sedar tentang masalah keracunan yang melibatkan racun rumpai paraquat dan beberapa langkah telah dan sedang diambil bagi mengurangkan masalah tersebut. Jabatan Pertanian menjalankan kempen keselamatan penggunaan racun perosak dari masa kesemasa. Ini termasuklah memberi latihan dan ceramah kepada para petani melalui Pegawai-pegawai Pengembangan di peringkat kawasan. Latihan dan ceramah juga diberi kepada pekerja-pekerja ladang swasta seperti Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Kebangsaan (NUPW). Apabila mempunyai kesempatan Jabatan Pertanian akan mengambil bahagian di dalam pameran-pameran di peringkat Negeri dan Persekutuan bagi menyebarkan kepada orang ramai tentang keselamatan penggunaan racun perosak. Poster, risalah dan selebaran mengenai perkara yang sama juga disebar kepada petani-petani.

Selain daripada **itu**, Lembaga Racun Makhluk Perosak sedang di dalam peringkat terakhir penyediaan satu peraturan baru iaitu peraturan Kawalan Racun Makhluk Perosak Yang Amat Berbisa. Tujuan peraturan ini diantara lain adalah bagi mengawal penggunaan racun perosak amat berbisa. Racun rumpai paraquat adalah satu satu racun perosak yang akan dikawal di bawah Peraturan baru **ini**. Antara lain, peraturan baru ini menghendaki majikan membekalkan pakaian perlindungan yang sesuai kepada pekerja-pekerja mereka semasa menggunakan racun rumpat paraquat.

**Tuan K. Sivalingam** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah bilangan pekerja yang sudah maut kerana serangan racun ini di ladang-ladang estet.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pada tahun 1986 - 349 orang yang telah meninggal dunia dan pada tahun 1987 - sehingga bulan Jun, jumlahnya adalah 315 orang.

#### KERETAPI - NAHAS

8. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah nahas keretapi berlaku dalam tahun 1987 dan berapakah kematian berlaku dalam nahas-nahas tersebut, sama ada penumpang-penumpang ataupun pekerja-pekerja dan apakah tindakan yang diambil untuk mengelakkan nahas-nahas tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1987, nahas keretapi yang berlaku telah mengakibatkan 130 orang tercedera dan 59 orang meninggal dunia. Antaranya terdapat bahawa 87 penumpang cedera dan 12 penumpang meninggal dunia, 27 penceroboh cedera dan 47 penceroboh meninggal dunia dan 16 pekerja-cedera. Dalam tahun 1988 pula, iaitu dari 1hb Januari, 1988 hingga 20hb November, 1988, 95 orang cedera dan 61 orang meninggal dunia. Antaranya terdapat 47 penumpang

cedera dan 3 penumpang meninggal dunia, 34 penceroboh cedera dan 56 penceroboh meninggal dunia dan 14 pekerja cedera dan 2 pekerja meninggal dunia. Sebahagian besar daripada kemalangan yang melibatkan penumpang berlaku akibat kecuaiannya para penumpang yang kurang mementingkan keselamatan diri, dengan melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh KTM ketika tren sedang dalam perjalanan. Nahas keretapi yang melibatkan pihak awam yang digilis tren adalah mereka yang mencero bohi kawasan keretapi dengan melintasi landasan atau barjalan atas landasan atau berada berdekatan dengan landasan. Kes-kes seumpama ini dan juga kegiatan melontar batu atas tren-tren masih berterusan.

Setelah diteliti terdapat bahawa semua kes nahas yang menimpa pekerja KTM disebabkan oleh kegagalan pekerja tersebut mematuhi peraturan keselamatan ketika melaksanakan kerja. Sebagai langkah untuk mengelakkan nahas-nahas tersebut, orang awam sentiasa diingatkan melalui media sebaran am seperti akhbar-akhbar, radio dan televisyen supaya jangan melintasi landasan atau terlalu dekat dengan landasan keretapi kerana ini adalah merbahaya dan menjadi satu kesalahan di bawah Ordinan Keretapi, 1948. KTM juga telah melancarkan beberapa perjumpaan serta ceramah dengan penduduk-penduduk di kawasan sekitar landasan kereta di mana pemimpin tempatan di minta supaya memberi kerjasama menasihati penduduk-penduduk khususnya kanak-kanak supaya tidak melibatkan diri dalam kegiatan melontar batu atas tren-tren atau melintasi landasan atau berada terlalu dekat dengan landasan keretapi.

Selain dari itu, KTM juga meminta kerjasama pihak Polis untuk

mengambil tindakan sewajarnya kerana melintasi landasan keretapi adalah menjadi kesalahan di bawah Ordinan Keretapi 1948. Kemalangan begini boleh dikurangkan sekiranya orang ramai mempunyai kesedaran bahawa perbuatan melintas atau berada berdekatan dengan landasan keretapi bukan sahaja menyalahi undang-undang tetapi adalah merbahaya kepada diri mereka sendiri. Dalam pada itu landasan keretapi juga sedang diperbaharui untuk memastikan tahap keselamatan sentiasa terjamin.

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saolan tambahan. Adakah Kerajaan sedar sebahagian daripada orang yang menggunakan jalan untuk melintasi keretapi itu.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha bin Ismail:** Apa dia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila ulang sekali lagi pertanyaan?

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar bahawa ada juga penduduk-penduduk di kawasan setinggan dan sebagainya menggunakan lintasan keretapi itu sebagai jalan utama mereka lalu tiap-tiap hari. Oleh itu, kenapa mereka patut didakwa kerana tidak ada jalan yang lain lagi.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi, dekat dengan lintasan itu pun adalah merbahaya. Setinggan memangnyalah penduduk haram di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan rel-rel keretapi dan menjadikan lintasan keretapi sebagai jalan utama adalah kesalahan bagi mereka, bukan kesalahan bagi KTM, kerana tempat itu berbahaya dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat juga dapat menasihatkan orang ramai di dalam kawasan Yang Berhormat sendiri semua Yang Berhormat ini supaya tidak berbuat demikian.



**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai dengan langkah-langkah mengelakkan keselamatan, tidak disebutkan rancangan memasang pagar. Kalau Lebuhraya K.L. - Air Kroh itu boleh dipasang pagar hanya untuk mengelakkan lembu supaya jangan menyeberang Lebuhraya, kenapa tidak ada rancangan memasang pagar di mana ada se-tinggan duduk di tepi landasan keretapi. Di Kuala Lagant tidak ada keretapi, tetapi saya sedih apabila mendengar ada orang kena langgar digilis keretapi. Apakah orang ini pekak tidak dengar bunyi keretapi menderu macam ribut, dia tidak boleh elak. Jadi, adakah dia sengaja atau tidak.

Pertanyaan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berapa jumlah KTM sudah kena bayar insurans pampasan daripada mereka yang terlibat sama ada kematian atau kemalangan ataupun kompeni-kompeni yang menuntut ganti rugi daripada pengangkutan mereka. Saya juga ingin tahu berapa insurans yang telah dibayar oleh KTM semasa kemalangan di Sengkang, Kulai, Johor pada tahun 1987. Terima kasih.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, penumpang-penumpang keretapi yang menaiki keretapi adalah bertanggungjawab atas apa juga yang terjadi kepada diri mereka sendiri kerana belum ada lagi insurans, kerana dalam Ordinan Keretapi 1948 tidak ada peruntukan insurans. Namun begitu, KTM sedang mengkaji mengenai insurans itu.

Jumlah pampasan itu tidak ada jumlah seluruhnya kepada saya Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat masih perlu, saya terpaksa minta notis, kerana saya tidak hendak beri, nanti agak-agak jumlahnya

tidak betul pula.

Untuk membuat pakar **itu**, Tuan Yang di-Pertua, rel keretapi ini 2,000 km panjangnya. Jadi, kalau hendak buat pagar, rasa saya agaknya sama banyak belanja mengganti rel yang sedang diperuntukkan. Pada pendapat saya menggantikan rel itu lebih diutamakan kerana rel-rel keretapi kita ini sudah lebih 50 tahun, dekat 100 tahun usianya, dan kita tidak hendaklah disebabkan rel itu lebih banyak lagi kegelinciran ataupun kemalangan berlaku dan pagar ini kita telah memberitahu, dan saya pun telah katakan tadi bahawa tempat-tempat setinggan ini memang kami, sepatutnya tidak boleh membenarkan, setinggan-setinggan itu duduk di dalam kawasan-kawasan rel-rel keretapi **itu**, sebab dekat dan bahaya sangat. Kalaulah Yang **Ber**hormat sendiri lihat kadang-kadang bumbung rumah, kalau keretapi lalu boleh dicapai oleh penumpang dalam keretapi. Jadi itu **ber**bahaya. Kalau dipagar pula, ini menggalakkan lagi, 2000 km kita kena pagar.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tidaklah yang kedua ribu kilometer itu hendak pasang pagar. Yang berlaku kemalangan ini barangkali di Segambut selalu, dekat Taiping, di Sentul. Keretapi daripada Mentakab sampai Gua Musang tidak ada setinggannya yang saya tahu [Ketawa], sungguhpun daripada Kuala Lumpur sampai Kelang ada landasan keretapi, ada setingan, tetapi tidak pernah pula berlaku kemalangan di situ kerana barangkali rumah di situ jauh sedikit daripada landasan. Maksud saya tempat yang selalu berlaku kemalangan itulah dipasangkan pagar. Saya hairanlah kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut bumbung rumah orang setingan itu boleh capai cermin tingkap keretapi, ini menyedihkanlah. Sepatutnya kita ada satu kuatkuasa yang boleh memindahkan orang itu jauh sedikit, 60 kaki daripada landasan atau 100 kaki. Kalau kita hendak buat rumah daripada tengah jalan 100 kaki, kena buat pelan, ini 30 kaki tepi landasan dibiarkan, ini perkara yang dukacita. Tetapi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri punya perasaan peri kemanusiaan yang begitu luas, dia faham masalah ini.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebab ada perasaan itulah kita tidak halau semua setingan **itu**. Sebenarnya saya kata tadi, kalau hendak dicapai boleh dicapai oleh penumpang hujung bumbung itu, ada setengah-setengah tempat. Saya atau KTM masih tidak bersetujulah iaitu kalau kita buat pagar, lebih banyak lagi yang mengikut buat pagar pula, dan hendak kata tempat yang selalu berlaku kemalangan **itu**, saya tidak ada maklumat yang menunjukkan di mana yang banyak berlaku kemalangan. Jadi saya

tidak bolehlah hendak memberi jawapan yang tepat kepada Yang Berhormat itu dan sebenarnya keretapi bukan lalu tiap-tiap jam, hanya dua kali sehari mereka lalu di satu-satu tempat. Kenapa pada masa itu pula mereka ini hendak menyeberang dan mereka sudah duduk di situ bertahun-tahun, jadi mereka tahu bila keretapi lalu, janganlah menyeberang masa keretapi lalu [Ketawa].

#### GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK

9. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan semenjak tahun 1984 hingga 31.10.1988 berapa kali gangguan bekalan elektrik di kawasan Kampung Baru Sungai Pelek dan Sepang. Apakah yang menyebabkan gangguan-gangguan ini berterusan selama tiga hari. Adakah ini kerana kecuaiannya pekerja-pekerja LLN. Mengapakah pihak LLN mengambil masa yang lama untuk membaiki bekalan elektrik.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1984 sehingga 31hb Oktober, 1988 jumlah gangguan bekalan voltan tinggi adalah sebanyak 22 kali. Kebanyakan gangguan yang telah berlaku dapat dipulihkan dalam jangka masa yang berpatutan kecuali pada 24.9.1988 dan pada hari itu gangguan telah berlaku pada jam 7.09 malam dan hanya dapat dipulihkan pada 26.9.1988 pada jam 6.37 petang. Ini adalah kerana jenis kerosakan tersebut sukar untuk dikesan dan Lembaga Letrik Negara terpaksa memanggil kakitangan tambahan daripada daerah Seremban untuk membantu mengesan kerosakan kabel itu.

Di samping itu, bekalan elektrik tidak dapat dipulihkan dengan segera kerana buat masa ini sistem bekalan elektrik di kawasan itu belum mempunyai keraudahan "sua-balik" ataupun pembekal alternatif sekiranya berlaku kerosakan. Adalah dijangka masalah kemudahan "sua-balik" ini akan dapat diatasi dengan pelancaran Pencawang Utama Tanjung Rhu pada pertengahan tahun 1989.

**Tuan. C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedar-  
kah Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos,  
gangguan elektrik ini selalu berlaku pada masa musim-musim perayaan  
Hari Raya Puasa, Hari Deepavali, Tahun Baru Cina dan Krismas.  
Sekiranya benar, apakah sebab gangguan ini berlaku pada musim-musim  
perayaan sahaja? [Ketawa]

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin  
memaklumkan lagi sekali bahawa gangguan itu mungkin disebabkan oleh  
kerosakan kabel dan kerosakan kabel ini mungkin disebabkan kerja-  
kerja - kalau kabel itu di bawah tanah, kerja-kerja menggali oleh  
pihak-pihak tertentu. Panjangnya kabel untuk kawasan ini adalah  
lebih kurang 60 kilometer daripada sumber tenaga iaitu Janaelektrik  
Tuanku Jaafar, itu mungkin satu sebab mengapa berlakunya gangguan.

Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa gangguan  
itu berlaku pada musim-musim perayaan, mungkin juga gangguan itu  
disebabkan oleh keupayaan yang tidak mencukupi jika diandaikan  
bahawa masa perayaan keperluannya adalah melebihi daripada keupayaan  
pembekalan dan kalau sekiranya itu sebabnya, maka penyelesaiannya  
bukanlah melalui mengesan kabel-kabel yang rosak tetapi adalah untuk  
meningkatkan keupayaan bekalan. Jadi, dalam jawapan saya, saya  
mengatakan mungkin sebab kabel dan mungkin dapat diselesaikan  
melalui pelancaran Pencawang Utama Tanjung Rhu pada pertengahan  
tahun 1989.

**Tuan V.K. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.  
Apabila kita memohon untuk mendapatkan bekalan elektrik, pihak LLN  
mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai stok bagi alat-alat  
elektrik seperti meter elektrik, lampu dan tiang lampu, sebagai

contohnya di dalam Port Dickson. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjelaskan sebab-sebab kekurangan stok bagi barang-barang ini? Apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasi masalah ini?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa bekalan dapat dilaksanakan pada masa yang sewajarnya, maka setiap daripada alat-alat yang diperlukan daripada yang sebesarnya dan semahalnya kepada yang paling kecil termasuklah 'nuts' dan 'bolts', dengan izin, perlu dilengkapi untuk kerja-kerja pemasangan. Saya ingin akui di sini bahawa ada kalanya kalau sekiranya 'nuts' dan 'bolts' dia punya skru ataupun nutnya tidak cukup, tidak lengkap, maka bekalan itu tidak dapat dibuat pada masa yang sewajarnya.

Saya ingin memaklumkan di Dewan ini bahawa dalam soal ini pihak Lembaga Letrik Negara sedang berusaha untuk memastikan bahawa dari segi alat-alat yang paling ringan dan paling mudah diperuntukkan pada stok yang mencukupi supaya ianya tidak tergendala membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan yang sewajarnya dipasang bekalan tersebut.

#### INDUSTRI KAMPUNG

10. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan kenapakah pembahagian, mesin-mesin untuk industri kampung belum beres walaupun ianya telah diluluskan; adakah juruteknik disediakan untuk menunjuk ajar memasang mesin-mesin tersebut, atau membaiki jika berlaku kerosakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Mohamed bin Jamrah]:** Tuan Yang di-Pertua, pembekalan mesin-mesin untuk industri kampung memerlukan beberapa tingkat pamerosesan sebelum dapat diberikan kepada pengusaha. Selepas permohonan diluluskan, Kementerian terpaksa menilai kesesuaian mesin

dan seterusnya mengikuti peraturan kewangan di dalam pembelian mesin-mesin tersebut. Permohonan dan kelulusan pembelian mesin dilakukan berterusan sepanjang tahun. Oleh kerana itu pembahagian mesin-mesin industri kampung tidak mungkin dapat dibereskan pada masa-masa tertentu.

Sebelum mesin tersebut diserahkan kepada pengusaha, pembekal-pembekal mesin akan melatih pengusaha-pengusaha menjalankan mesin tersebut. Jurutera pengeluaran yang ditempatkan di Pejabat-pejabat KEMAS Negeri-negeri membantu dalam kerja pengembangan, pengeluaran dan memberi nasihat mengenai cara-cara penggunaan mesin di mana perlu.

Kementerian hanya memberi bantuan membekalkan mesin-mesin sahaja, sementara pengusaha-pengusaha adalah bertanggungjawab untuk membaiki dan penyelenggaraan mesin-mesin tersebut jika berlaku kerosakan.

**Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui adakah mesin-mesin yang diberi itu mesin yang masih baru ataupun yang telah dipakai ataupun yang telah buruk diberi kepada peserta-peserta.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Di sini yang diberikan adalah mesin yang baru.

#### KEJADIAN KEBAKARAN

11. **Dr Ng Khok Kiung** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan kejadian kebakaran yang telah berlaku pada tahun 1988;
- (b) jumlah kerugian hartabenda pada tahun 1988;
- (c) bilangan kehilangan nyawa yang berlaku pada tahun 1988;
- (d) bilangan ahli-ahli bomba yang mengalami kecederaan, semasa menjalankan tugas pada tahun 1988; dan
- (e) apakah skim gantirugi bagi ahli-ahli bomba yang mengalami kecederaan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan membentangkan kenyataan bermula daripada bulan Januari sehingga ke bulan Oktober bagi tahun 1988:



<b>Tempat-tempat berlaku</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Menanggung kerugian (\$juta)</b>
Kedah/Perlis	467	9.42
Pulau Pinang	642	31.02
Perak	897	7.07
Selangor	898	22.57
Wilayah Persekutuan	641	9.16
Negri Sembilan	307	7.81
Melaka	321	5.12
Johor	823	71.11
Pahang	443	3.97
Terengganu	269	2.54
Kelantan	240	10.85
Sarawak	413	10
Sabah	517	2.39
<b>Jumlah</b>	<b>6,878</b>	<b>193.0</b>

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Bomba juga menghadapi panggilan-panggilan yang lain. Panggilan-panggilan bagi membantu kemalangan, panggilan-panggilan tanah runtuh, panggilan-panggilan terhadap ancaman ular dan sebagainya, jumlah panggilannya sebanyak 3,296.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kerugian dapat dianggarkan pada \$193.0 juta ini, alhamdulillah, Pasukan Bomba pula telah dapat menyelamatkan dianggarkan sebanyak \$997.94 juta, manakala kematian yang berlaku di dalam menghadapi kebakaran ini ialah seramai 32 orang

dan yang cedera ialah sebanyak 40 orang, ini tidak termasuk anggota-anggota Bomba sendiri, Peristiwa ini berlaku di dalam:

<b>Bulan</b>		<b>Mati</b>	<b>Cedera</b>
Januari	2 orang	2 orang	
Kebruari	3 "	9 "	
Mac	4	11 "	
April	4	5 "	
Mei	6 "	8 "	
Jun	8	1 "	
Julai	1	3 "	
Ogos	1 "	1 "	
Oktober	3 "	-	
Jumlah	32 "	40	

Manakala anggota-anggota Bomba pula:

<b>Bulan</b>	<b>Mati</b>	<b>Cedera</b>
Januari	- orang	4 orang
Februari	-	3 "
Mei	-	1 "
Jun	1	2 "
Ogos	1	2 "
Jumlah	2	12 "

Tuan Yang di-Pertua, anggota-anggota Bomba mendapat pampasan seperti pekerja-pekerja kakitangan Kerajaan biasa yang lain. Walau bagaimanapun, mengikut Akta Bomba Tahun 1988 satu Tabung Kebajikan akan diwujudkan dan di dalam Skim ini, Kerajaan berharap akan dapat memberi bantuan-bantuan yang tertentu kepada kakitangan-kakitangan yang cedera atau memberi bantuan saguhati kepada keluarga-keluarga mereka. Dan bagi memenuhi Tabung ini, saya mengambil kesempatan orang ramai boleh menghulurkan bantuan, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 41 adalah**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (9hb Disember, 1988)

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi giliran pertama, saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberi jawapan. Sekiranya ada Yang Berhormat hendak menjawab bagi pihak Kementerian lain boleh dijawab sekali gus selepas ini. Silakan.

**3.36 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Kasitah bin Gaddam]:**  
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Dasar-dasar Am Belanjawan 1989 dan seterusnya memberi cadangan, teguran dan syor-syor mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Dalam tempoh perbahasan tersebut Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Dasar Ekonomi Baru, perpaduan, perkhidmatan awam, progam kemajuan Islam, pencegahan rasuah, Suruhanjaya Pilihanraya dan sebagainya.

Ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa aspek berkaitan dengan pelaksanaan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru serta masa depan Dasar tersebut. Pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat itu tertumpu kepada rasa tidak puas hati mereka berhubung dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang pada pendapat mereka adalah bercanggah dengan falsafah asal Dasar Ekonomi Baru. Rasa tidak puas hati ini masih timbul sungguhpun Kerajaan telah memberi penerangan yang panjang lebar berkenaan pencapaian dan pelaksanaannya.

Sekali lagi saya memberikan penekanan bahawa angka-angka dan data-data yang telah dikeluarkan adalah berasaskan kepada definisi-definisi dan methodologi yang jelas dan oleh itu sebarang salah faham dan salahtafsir ke atasnya sepatutnya tidak timbul.

Untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya membuat beberapa penjelasan secara keseluruhan terhadap dakwaan dan pandangan yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

- (i) Adalah tidak benar dakwaan bahawa Kerajaan masih mengabaikan masyarakat bukan Melayu dalam pelaksanaan rancangan pembasmian kemiskinan. Ini terbukti dari kadar kemiskinan di kalangan semua kaum telah menurun dalam tahun 1987 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Untuk makluman data-data awal menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1987 di kalangan kaum Melayu adalah kira-kira 24%, China 7% dan India 10% berbanding dengan masing-masing sebanyak 64%, 26% dan

39% pada tahun 1970. Kadar kemiskinan di bandar juga telah bertambah baik daripada 21% pada tahun 1970 kepada 8% pada tahun 1987. Berbagai-bagai kemudahan telahpun disediakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin bandar tanpa mengira kaum, Bukti-bukti ini menunjukkan bahawa bukan bumiputera telah sama-sama menikmati banyak faedah daripada usaha-usaha pembangunan bandar.

- (ii) Faedah yang dinikmati bersama oleh bukan bumiputera boleh dilihat dalam beberapa bidang. Contohnya, dalam bidang pertanian kaum bukan bumiputera turut menikmati berbagai faedah, malah dalam beberapa program, melebihi daripada kaum bumiputera sendiri. Sebagai contoh nilai per kapita yang diterima oleh orang-orang Cina di bawah Program Bantuan Tanaman Semula RISDA, bagi tempoh 1970-1984 adalah sebanyak 7,100 berbanding dengan 3,400 yang diterima oleh kaum Melayu. Nilai per kapita subsidi harga padi dalam tahun-tahun 1980-1982 yang diterima oleh orang-orang Cina adalah sebanyak \$1,700 iaitu melebihi nilai yang diterima oleh orang-orang Melayu sebanyak \$746.00.

(iii) Adalah tidak benar Kerajaan telah mengabaikan penduduk kampung-kampung baru. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Kelima masing-masing sebanyak \$25 juta dan \$7 juta telah diperuntukkan untuk memajukan kampung-kampung baru. Berasaskan peruntukan Rancangan Malaysia Kelima setiap kampung baru memperoleh peruntukan sebanyak \$15,390 berbanding dengan kampung tradisional yang hanya mendapat \$2,985. Sangguhpun Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju dengan jawapan yang sentiasa diberi berkenaan dengan kampung-kampung baru, adalah tidak boleh dinafikan bahawa penduduk-penduduk kampung baru menikmati lebih banyak peluang ekonomi dan pendapatan secara lebih meluas berbanding dengan penduduk-penduduk di kampung-kampung tradisional bumiputera. Dari segi corak pekerjaan, penduduk-penduduk kampung baru adalah terlibat dengan berbagai aktiviti-aktiviti ekonomi moden yang pendapatannya tinggi berbanding dengan penduduk-penduduk di kampung-kampung tradisional yang terlibat dalam bidang pertanian sahaja. Berhubung dengan soal kekurangan tanah di kampung-kampung baru, Ahli-ahli Yang Berhormat

harus sedar bahawa kawasan-kawasan Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran di mana terletaknya kebanyakan kampung-kampung baru mempunyai kawasan tanah yang terhad. Namun begitu penduduk kampung baru telah dan sedang menikmati milik tanah memandangkan kebanyakan tanah-tanah kediaman telah bermilik dalam proses pemberian hak milik dan telah diberi lesen tumbangan sementara atau TOL.

- (iv) Kenyataan bahawa kampung-kampung baru mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi adalah dirujuk kepada angka tahun 1983. Bagaimanapun keadaan ini adalah bertambah baik berdasarkan penyiasatan pada tahun 1985 yang menunjukkan bahawa 54% daripada isi rumah kampung-kampung baru mempunyai pendapatan tunai melebihi \$350 sebulan. Sementara 32% mempunyai pendapatan tunai antara \$250 hingga \$350. Angka ini adalah lebih tinggi dari pendapatan purata isi rumah miskin di bandar yang mendapat pendapatan \$205 sebulan. Untuk makluman 24% dari isi rumah miskin di luar bandar yang terlibat dalam sektor pertanian mendapat pendapatan \$175 sebulan.
- (v) Pengiraan kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin adalah dibuat berdasarkan methodology yang teratur dan boleh dipertahankan kesahihannya. Perangkaan adalah diperolehi



secara langsung daripada penyiasatan atau banci yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Karaguan yang ditimbulkan lebih merupakan keengganan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengetahui latar belakang penyediaan data dan adalah tidak benar Kerajaan enggan memberi cara-cara memperolehi data-data. Kerajaan bercadang memberi penjelasan yang lebih meluas mengenai perkara ini di masa hadapan, memandangkan kebelakangan ini banyak kekeliruan telah ditimbulkan.

- (vi) Tuduhan bahawa golongan miskin bukan bumiputera di luar bandar adalah menderita selama 18 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah keterlaluan. Data pada tahun 1976 menunjukkan bahawa kumpulan terendah 40% bumiputera mendapat pendapatan purata sebanyak \$83 sebulan berbanding dengan \$202 sebulan bagi kaum Cina. Pendapatan kaum Melayu dalam kumpulan ini telah meningkat kepada \$283 pada tahun 1984, manakala pendapatan kaum Cina meningkat kepada \$526. Data-data awal bagi tahun 1987 menunjukkan

bahawa pendapatan penuh kumpulan ini terus meningkat sungguhpun keadaan ekonomi tidak begitu mantap pada tahun 1985 dan 1986.

- (vii) Berkenaan tohmahan bahawa Kerajaan memutar belitkan data-data kemajuan dan penyertaan rakyat, dukacita saya mengambil maklum bahawa Ahli Yang Berhormat telah menggunakan Dewan yang mulia ini untuk membuat kenyataan yang tidak berasas. Saya ingin menegaskan bahawa semua angka-angka mengenai pencapaian adalah berdasarkan perkiraan yang sah dan profesional dan telah diterangkan bukan sahaja di dalam dokumen-dokumen Kerajaan tetapi juga telah diterangkan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan dari masa ke semasa. Berkaitan dengan hal ini, hasil dari penilaian Dasar Ekonomi Baru secara komprehensif sedang disediakan dan akan dibentangkan dalam Dewan ini selanjutnya.
- (viii) Mengenai isu-isu layanan yang tidak adil kepada peniaga-peniaga bukan bumiputera untuk mendapat lesen perniagaan, tapak perkilangan dan sebagainya, Kerajaan ingin sekali lagi menegaskan bahawa tuduhan itu tidak benar. Sebagai contohnya lesen-lesen penjaja dan perniagaan kecil terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur adalah dinikmati oleh bukan bumiputera. Di Kuala Lumpur, pada tahun 1986 kira-kira 70% daripada lesen-lesen

penjaja dan perniagaan kecil dikeluarkan kepada bukan bumiputera berbanding dengan 30% bagi bumiputera, manakala di Majlis Perbandaran Pulau Pinang kira-kira 80% dikeluarkan kepada bukan bumiputera. Di Majlis Perbandaran Johor Bahru, Kuantan dan daerah Gombak pula masing-masing 84%, 70% dan 60% telah dikeluarkan kepada bukan-bumiputera.

- (ix) Berhubung dengan cadangan penubuhan satu forum perundingan berbagai kaum, Kerajaan sedang giat menimbangkan perkara ini. Kerajaan akan berusaha seberapa boleh untuk memberi bantuan kepada badan ini bagi menentukan ia berjalan dengan lancar.

**Tuan Ng Peng Hay:** Minta penjelasan.

**Datuk Kasitah bin Gaddam:** Boleh.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Menurut jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tentang apa yang telah kami timbulkan berkenaan dengan asas-asas dan definasi-definasi yang digunakan dalam pengiraan data dan statistik Dasar Ekonomi Baru, saya hari ini dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Apa yang kami mahu ialah cuma minta pihak Kerajaan macam mana cara memperolehi data-data dan statistik-statistik seperti yang disebutkan tadi, kerana ada pihak yang mana berasa, kami ingin tahu cara memperolehi statistik dan data ini. Jadi, kalau boleh buat satu penjelasan dan mengadakan satu Jawatankuasa ataupun satu forum di mana Kerajaan kemukakan cara-cara untuk mengadakan data-data dan statistik dalam pelaksanaan DEB.

**Datuk Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi Kerajaan akan membentangkan mengenai pencapaian Dasar Ekonomi Baru ini dalam Dewan ini nanti. Saya berharap Yang Berhormat akan mengambil bahagian [**Tepuk**].

- (x) Kerajaan telah mengumumkan program penswastan akan diteruskan dengan mengambil kira kepentingan rakyat Malaysia termasuk bumiputera. Dalam keadaan di mana kaum bumiputera belum bersedia untuk menyertai program penswastan ini, saluran-saluran biasa akan digunakan untuk menjaga kepentingan bumiputera.

Berhubung dengan dasar selepas 1990, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan sedia mermpertimbangkan segala cadangan yang dikemukakan. Sukacita juga saya menjelaskan bahawa di peringkat ini, kerja-kerja mengkaji prestasi dasar tersebut sedang giat dijalankan. Dari segi falsafahnya, pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan terus merupakan teras utama bagi dasar baru selepas 1990. Ini adalah kerana masalah ketidakseimbangan ekonomi antara kaum dijangka akan terus wujud dan sekiranya masalah ini dapat diselesaikan maka perpaduan antara kaum akan dapat dipertahankan.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat Senator Haji Hamid Araby bin Md. Salih bahawa kegagalan Dasar Ekonomi Baru disebabkan sifat angkuh, suka marah dan sombong pegawai-pegawai Kerajaan kepada peniaga-peniaga bumiputera. Saya berpendapat perkara tersebut bukanlah satu gejala yang meluas. Tidak dapat dinafikan dalam

berurusan dengan Jabatan-jabatan Kerajaan, peniaga-peniaga kadangkala terpaksa berdepan dengan kakitangan yang tidak memberi perhatian sewajarnya kepada masalah-masalah yang dibawa. Sebenarnya hal ini melibatkan perhubungan dua hala dan dalam perkhidmatan awam terdapat peraturan-peraturan serta kaedah-kaedah yang perlu dipatuhi dalam menguruskan sesuatu perkara seperti pendaftaran atau pengeluaran lesen bagi mengelakkan penyelewengan. Proses ini kadangkala melambatkan pengeluaran atau pemberian sesuatu kemudahan yang selanjutnya menimbulkan kesulitan kepada peniaga-peniaga bumiputera. Dalam hal ini kerjasama antara dua pihak adalah perlu untuk mewujudkan suasana yang harmoni.

Ingin saya maklumkan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang perkara ini melalui penyeliaan dan pengawasan terhadap kakitangan yang ada hubungan dengan orang-orang awam. Sekiranya terdapat di kalangan perkhidmatan awam yang melakukan tindakan yang serong, maka kes-kes seperti ini menjadi tanggungjawab bagi orang ramai untuk membawa ke pengetahuan Kerajaan seperti Biro Pengaduan Awam dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Mustafa Awang telah menyentuh mengenai Jabatan Perpaduan Negara, Negeri Terengganu, di mana majlis-majlis anjurannya hanya dihadiri oleh orang Melayu sahaja. Ingin saya maklumkan bahawa dalam semua program penggalakan perpaduan yang dirancang serta dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara, termasuklah Jabatan Perpaduan di peringkat negeri, asas penyertaan adalah dari rakyat berbilang kaum dan bukannya ditumpukan kepada sesuatu kaum sahaja.

Namun begitu, keadaan demografi ataupun taburan penduduk-penduduk di negara ini adalah sebegitu rupa sehingga kadangkala terdapat hampir 100% hadirin dari sesuatu kaum sahaja, termasuklah di Negeri Terengganu. Dengan demikian, tidak dapat dielakkan bahawa dalam sesuatu perjumpaan itu, walaupun diaturkan untuk penyertaan berbagai kaum, peserta-peserta dari keturunan yang, lain tidak kelihatan sangat lantaran ramainya pesertar-peserta dari penduduk yang terdiri dari orang Melayu. Keadaan yang sebaliknya pula berlaku di tempat-tempat lain yang mana hadirin dari keturunan Melayu menjadi kumpulan minoriti. Walau bagaimanapun, dalam aktiviti-aktiviti yang dihadiri oleh majoriti rakyat satu keturunan sahaja, namun mesej untuk memupuk perpaduan dapat jua disampaikan hasil dari pergaulan dan interaksi muhibah antara pihak majoriti kecil dengan kumpulan dominan itu.

Yang Berhormat Senator Sivalingam menyatakan bahawa perpaduan dalam kumpulan perkauman tidak semestinya merupakan perpaduan nasional. Katanya, perpaduan nasional mungkin akan dicapai sekiranya pemimpin-pemimpin kaum dapat menyatupadukan semua kaum yang berasingan. Beliau menyarankan bahawa perpaduan nasional

akan hanya tercapai sekiranya langkah-langkah diambil untuk memperjuangkan perpaduan nasional yang bukan berdasarkan kepada kaum.

Ingin saya nyatakan bahawa usaha memupuk perpaduan nasional adalah berdasarkan kepada *realiti* keadaan di mana kita mempunyai parti-parti politik yang berlainan yang mirip kepada kaum masing-masing. Sebarang usaha untuk menyatupadukan rakyat dalam sesuatu kaum itu sendiri tidak akan menjejaskan perpaduan nasional selagi ada semangat kerjasama dan persefahaman antara wakil-wakil kaum di dalam sesuatu organisasi politik.

Mengenai pendapat Yang Berhormat Senator Azman Atar Othman yang mengatakan bahawa Jabatan Perpaduan Negara tidak memainkan perannya secara berkesan bagi menyatupadukan rakyat, saya tidak dapat menerima kenyataan tersebut. Usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk memupuk perpaduan rakyat. Memang tidak dinafikan terdapat perselisihan faham serta unsur-unsur perkauman dalam keadaan tertentu tetapi ianya tidak menjejaskan pembangunan negara.

Yang Berhormat Senator Habidah Jusoh mengesyorkan supaya elaun Skim Khidmat Sambilan (SKS) dinaikkan bagi membolehkan peserta-peserta menikmati faedah kenaikan gaji seperti kakitangan Kerajaan yang lain. Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan elaun bulanan siswazah-siswazah Skim Khidmat Sambilan yang diterima sebanyak S400 sebulan, seperti kenaikan yang dinikmati oleh pegawai dalam kumpulan A,B dan C. Ini kerana siswazah-siswazah berkenaan merupakan pegawai atau kakitangan Kerajaan sambilan. Perkhidmatan mereka ini hanyalah merupakan satu program latihan sahaja bagi membolehkan mereka mendapatkan pengalaman bekerja.

Dengan pengalaman yang diperolehi itu, maka bolehlah mereka memohon pekerjaan tetap sama ada di sektor awam atau sektor swasta ataupun untuk bekerja sendiri.

Yang Berhormat Senator Rajoo telah membangkitkan mengenai isu pelarasan gaji Kumpulan D. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidaklah bercadang membuat pelarasan baru bagi kumpulan ini sungguhpun semenjak tarikh itu Indeks Harga Pengguna telah meningkat sedikit. Ini adalah kerana pelarasan gaji bukanlah dibuat semata-mata berdasarkan kepada peningkatan Indeks Harga Pengguna tetapi yang paling penting ialah kemampuan kewangan Kerajaan. Disebabkan kepada kemampuan kewangan Kerajaan inilah juga Kerajaan tidak dapat memberi pelarasan gaji kepada Kumpulan A, B dan C dengan mengkebelakangkan tarikh kuatkuasanya kepada awal tahun ini.

Yang Berhormat Senator Wong Kie Yik mencadangkan agar keutamaan diberi kepada anak negeri Sarawak mengisi jawatan Persekutuan yang kosong di negeri tersebut. Di sini ingin saya jelaskan bahawa pengisian jawatan-jawatan kosong dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan dan iklan akan dibuat mengenai kekosongan jawatan tersebut. Kelayakan mereka adalah berdasarkan kepada merit dan kelulusan calon-calon. Mengenai pengisian jawatan kosong oleh pegawai-pegawai Semenanjung, ini adalah satu langkah untuk mencapai matlamat integrasi nasional.

Yang Berhormat Senator Mazidah binti Zakaria telah membangkitkan mengenai penggunaan bilik-bilik di blok Menara Parlimen dan juga Yang Berhonnat Puan Ainon binti Ariffin telah juga bertanya mengenai perkara ini sebentar tadi. Penggunaan bilik-bilik di blok Menara Parlimen sudahpun siap diubahsuai. Akan tetapi oleh kerana persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara diadakan serentak pada



minggu yang pertama, maka bilik-bilik telah diperuntukkan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat pada minggu tersebut. Oleh kerana sekarang ini persidangan Dewan Rakyat telahpun tamat maka Yang Berhormat bolehlah menggunakan bilik tersebut. Yang Berhormat bolehlah mendapat kunci bilik daripada pentadbiran Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat nombor bilik Yang Berhormat Senator Mazidah ialah 1108. **[Ketawa]**

Mengenai persidangan serentak Dewan Negara dan Dewan Rakyat kami bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat yang mengatakan persidangan serentak ini membebankan kakitangan Parlimen yang terlibat. Malah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang menjawab soalan-soalan juga tidak begitu senang dengan keadaan ini kerana terpaksa berlari-lari di antara kedua-dua Dewan ini. Mengenai dengan cadangan ini untuk membahagi-bahagikan kakitangan Parlimen kepada Dewan Negara dan Dewan Rakyat adalah tidak dapat dipraktikkan. Walau bagaimanapun, cadangan untuk menambahkan kakitangan boleh ditimbangkan oleh Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen.

Di dalam membahaskan Belanjawan ini juga ramai Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai kegiatan kumpulan dakwah yang menyeleweng dan langkah-langkah untuk mengawalinya. Suka saya menjawab persoalan ini secara keseluruhan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengawalan kegiatan dakwah dan menyebarkan ajaran Islam adalah diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam di tiap-tiap negeri dan kuasa mengenai ini adalah diberikan kepada Majlis Agama Islam Negeri. Kerajaan Pusat melalui Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri adalah dari semasa ke semasa menyelaras tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan secara bersepadu oleh tiap-tiap Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri. Di

samping **itu**, telah ada sebuah badan yang bernama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia yang antara fungsi utamanya ialah menyelaras dan memberi bimbingan kepada badan-badan dakwah yang terdapat di negara ini. Yayasan ini adalah mendapat bantuan kewangan Kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajidi bin Dato' Haii Ishak telah mengesyorkan supaya dipinda Perlembagaan Malaysia mengenai kuasa agama yang pada masa ini terletak di tangan Kerajaan Negeri dengan tujuan untuk memperkemas dan meningkatkan keberkesanan pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini.

Syor Yang Berhormat itu adalah menyentuh hak dan kedaulatan Raja-raja Melayu sebagai Ketua Agama di negeri masing-masing. Majlis Raja-raja dalam tahun 1968 telah menubuhkan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia dengan tajuan utama untuk mewujudkan penyelarasan yang berkesan dalam pentadbiran dan keseragaman undang-undang dan peraturan berkait dengan pentadbiran hal ehwal Islam di seluruh negara. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri adalah menjadi urusetia kepada Majlis ini. Setakat ini banyak kemajuan telah dicapai sama ada dari segi keseragaman undang-undang dan peraturan dan juga penyelarasan dalam pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan itu. Usaha-usaha akan terus dibuat sehingga mencapai matlamat bahawa walaupun pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini dikendalikan oleh pihak-pihak berkuasa Kerajaan Negeri, tetapi pendekatan secara bersepadu dan penyelarasan yang berkesan di peringkat perancangan dan di peringkat pelaksanaan menjadikan pentadbiran itu seolah-olah dilaksanakan oleh sebuah agensi sahaja.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Maasom telah menyoal mengapa Kerajaan tidak berterus terang memberitahu tentang tarikat yang menyeleweng. Di sini ingin saya maklumkan bahawa nama-nama tarikat yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Fatwa sebagai menyeleweng dari syariah adalah seperti diumumkan kepada orang ramai dari semasa ke semasa. Malah buku-buku juga dikeluarkan yang menerangkan aspek-aspek dalam ajaran dan amalan tarikat yang didapati tidak betul atau menyeleweng. Guru-guru dan pengikut kanan tiap-tiap tarikat yang didapati menyeleweng itu dipanggil bermuzakarah oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sebelum pengumuman dibuat kepada orang ramai mengenai pengharaman tarikat tersebut.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya Kerajaan menghidupkan semula pendidikan agama Islam secara sistem pondok. Sistem pendidikan agama Islam yang sedang berjalan sekarang adalah lebih baik dari sistem pondok, malah ia telah melahirkan ulama-ulama yang benar-benar berwibawa. Sistem mempelajari agama dengan menadah kitab-kitab di hadapan guru adalah juga berjalan sekarang di masjid-masjid dan di surau-surau.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom juga membangkitkan tentang laporan akhbar yang mengatakan dua orang Ketua Setiausaha Kementerian meletakkan jawatan kerana siasatan Biro Pencegah Rasuah (BPR) dan fail mereka ditutup. Di samping itu BPR hanya mengambil tindakan ke atas mereka yang berpangkat rendah dan bukan dari kalangan mereka yang berpangkat tinggi.

Terlebih dahulu ingin saya menegaskan di sini bahawa BPR tidak akan bertolak ansur dengan mereka yang melakukan rasuah dan akan bertindak mengikut undang-undang tanpa mengira pangkat atau darjat

seseorang **itu**. Sekiranya hasil siasatan mempunyai cukup keterangan jenayah atau bukti mengikut undang-undang yang ada, maka tindakan lanjut akan diambil terhadap mereka yang terlibat dan akan didakwa di Mahkamah. Sehubungan dengan ini, walaupun seseorang itu telah bersara atau meninggalkan perkhidmatan Kerajaan, sekiranya cukup bukti terhadapnya, orang-orang berkenaan tidak boleh lari daripada diarahkan tindakan undang-undang ke atasnya.

Sebaliknya, jika jelas selepas siasatan didapati tidak cukup bukti atau kecerahan jenayah untuk disabitkan dengan kesalahan rasuah yang dilakukan, maka kita tidak boleh mendakwa seseorang itu. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat berlakunya pelanggaran tata tertib dan tatakelakuan yang bercanggah dengan mana-mana **per-**aturan Kerajaan, seseorang pegawai Kerajaan itu boleh diambil tindakan tata tertib.

Adalah benar bahawa dua orang Ketua Setiausaha, Kementerian seperti mana yang dilaporkan oleh pihak akhbar telah meninggalkan perkhidmatan Kerajaan tetapi ungkapan ini telah disalahtafsirkan oleh pihak tertentu, lazimnya laporan-laporan seumpama ini dijadikan berita yang sensasi serta diperbesar-besarkan hingga menimbulkan pelbagai kekeliruan kepada orang ramai.

Sesebuah fail siasatan akan dibuka apabila BPR menerima maklumat atau aduan dan fail tersebut akan ditutup tanpa diambil tindakan lanjut sekiranya hasil siasatan mendapati tidak ada bukti-bukti yang sah tentang rasuah mengikut peruntukan undang-undang. Di dalam konteks ini kita perlu juga berlaku adil terhadap pihak yang disiasat yang mana kita tidak boleh menghukum seseorang itu sekiranya tidak ada bukti ataupun tidak cukup bukti.

Namun demikian, walaupun sesebuah fail siasatan telah ditutup

tetapi sekiranya Badan ini menerima maklumat lanjut tentang perlakuan rasuah itu, maka fail berkenaan akan dibuka semula supaya siasatan terhadap orang yang sama dapat dijalankan kembali.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharora telah menegur mengenai adanya saluran khas mengundi bagi VIP. Untuk makluman, Suruhanjaya Pilihanraya tidak ada cadangan untuk mengadakan saluran khas bagi memudahkan orang kenamaan membuang undi. Apa yang ada sekarang ialah tiap-tiap saluran mempunyai dua barisan iaitu satu barisan untuk perempuan dan satu lagi untuk lelaki. Suruhanjaya percaya bahawa orang yang kononnya menelefon Yang Berhormat yang berkenaan untuk mengadakan satu saluran khas bagi orang kenamaan bukanlah pegawai-pegawai dari Pejabat Pilihanraya kerana setakat hari ini Suruhanjaya Pilihanraya tidak pernah mengeluarkan arahan supaya saluran seumpama itu diadakan.

Mengenai perang poster ketika pilihanraya, ianya ada kaitan dengan larangan tidak membenarkan rapat umum dan kempen secara terbuka. Oleh itu sebagai alternatif, perang poster ialah cara jalan paling sesuai untuk memperkenalkan calon-calon yang bertanding. Setakat hari ini Suruhanjaya tidak bercadang untuk raengadakan peraturan bagi mengawal jumlah poster dalam satu-satu pilihanraya. Jika peraturan diadakan maka Suruhanjaya akan tnenghadapi masalah untuk menguatkuasakannya seperti siapakah yang akan mengelilingi satu-satu kawasan untuk mengira bilangan poster dan siapa pula yang akan didakwa kalau terdapat poster yang melebihi jumlah yang dibenarkan.

Mengenai kurangnya warganegara terutatna dari golongan belia yang mendaftar sebagai pemilih adalah disebabkan oleh kurang kesedaran akan perlunya pendaftaran tersebut dalam negara yang

mengamalkan demokrasi berparlimen dan, seterusnya menggunakan hak sebagai warganegara. Dalam hal ini semua pihak, termasuk parti politik di peringkat daerah dan tempatan hendaklah memainkan peranan menggalakkan semua warganegara yang berkelayakan, terutama di kalangan belia supaya mendaftar sebagai pemilih.

Akhirnya, saya- sekaLi lagi , mengucapkan terima kasih. kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, di mana saya tidak dapat menjawab atau menyentuhnya dengan menyebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya dalam perbahasan, saya mohon maaf.

Walaupun begitu, perkara-perkara yang ditimbulkan itu telah dicatat dan akan diberi perhatian. Terima kasih,

**Tuan- Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha, Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menjawab. Kalau tidak ada, dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

#### **4.08 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan, teguran-teguran dan syor-syor mengenai perkara-perkara yang di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan di sepanjang perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 di Dewan yang mulia ini.

Sukacitalah saya memberikan jaminan bahawa segala pandangan, teguran dan syor-syor itu akan diberikan perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, izinkan saya memberikan ulasan mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Mustafa Awang telah tnenyentuh perkara mengenai kemudahan-kemudahan jeti di pulau-pulau di sekitar negara ini. Untuk makluman Dewan ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sedar bahawa kemudahan-kemudhan jeti di beberapa pulau di semenanjung Malaysia adalah kurang memuaskan.

Satu kajian telahpun dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya pada tahun 1985 - 1986 di mana kekurangan dan keselamatan jeti-jeti di seluruh Semenanjung telahpun dikenalpasti.

Sebanyak 211 jeti telah diperiksa dan adalah didpati bahawa 29 buah jeti perlu dirobohkan dan lebih kurang 135 jeti perlu dibaiki semula. Adalah dianggarkan bahawa usaha membaiki dan membina semula semua jeti-jeti tersebut akan memerlukan satu perbelaaajan yang besar dan memakan masa yang lama. Oleh kerana itu, Kementerian Pengangkutan telahpun merancangkan bagi mengadakan satu program untuk meningkatkan keselamatan dan kemudahan jeti-jeti di seluruh Semenanjung secara berperingkat. Pada masa ini jeti-jeti yang sedang dibina ialah di Pulau Pangkor, Lumut dan Kuah, Langkawi. Kerja-kerja pembinaan akan juga dimulakan di Kuala Perlis, Tanjong Belumpur dan Pulau Tioman iaitu di Tekek dan Mukut pada tahun 1989.

Selain daripada kerja-kerja yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan, beberapa jeti lain akan dibina atau dibaiki secara berperingkat setelah mendapat peruntukan dan kelulusan daripada Kerajaan. Kementerian Pengangkutan telahpun mengenal pasti 50 buah jeti yang perlu dibina atau dibaiki semula secara priority, dengan izin. Dan dalam aspek ini juga-Kementeriani Pengangkutan mempunyai koordinasi dengan Kementerian. Kebudayaan dan Pelaacongan dari segi menentukan keselamatan jeti-jeti di destinasi pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum lagi memastikan jumlah peruntukan keseluruhannya bagi jeti-jeti yang perlu dibaiki, yang diroboh dan sebagainya. Perkara ini akan diselaraskan dengan kajian semula Rancangan Malaysia Kelima yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan tidak lama lagi. Jeti-jeti seperti yang telah disenaraikan adalah diberi keutamaan. Saya sebutkan di sini iaitu sebanyak 16 yang akan menelan belanja \$7.5 juta iaitu menggantikan jeti-jeti lama dengan jeti baru ialah:-

- (i) Jeti Gelugur, Pulau Piaang;
- (ii) Jeti Shahbandar Johor Bharu;
- (iii) Jeti Damar Laut, Perak;
- (iv) Jeti Kukup, Johor.

Jeti-jeti yang perlu dibaiki:-

- (i) Jeti Pelabuhan Kelang;
- (ii) Jeti Kuala Kedah;



- (iii) **Jeti Mersing, Johor;**
- (iv) **Jeti Kuala Terengganu;**
- (v) **Jeti Shahbandar Melaka;**
- (vi) **Jeti Tanjung Puteri, Johor;**
- (vii) **Jeti Tanjong Pengalih, Johor;**
- (viii) **Jeti Tanjong Surat, Johor;**
- (ix) **Jeti Bagan Datoh, Perak;**
- (x) **Jeti Hutan Melintang, Perak;**
- (xi) **Jeti Kongkong, Johor; dan**
- (xii) **Jeti baru Batu Pahat.**

Itulah yang disenaraikan sebagai priority yang utama.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Haji Maasom telah menyentuh mengenai had laju sebenarnya. Kalau diperhatikan bahawa dalam dekad yang lalu ini bahawa beberapa lebuh raya yang bertaraf tinggi telah dapat dibina dan ini telah menyumbang kepada proses pembangunan negara kita khasnya dari segi pembangunan ekonomi dengan adanya pengangkutan yang lebih baik.

Walaupun bagaimanapun, kadar kemalangan tinggi di negara ini masih merupakan masalah yang amat membimbangkan. Dalam tahun 1987, sebanyak 76,882 kemalangan jalanraya telah dilaporkan di seluruh Malaysia termasuk iaitu 2,240 kematian dan 9,227 kecederaan.

Kelajuan tinggi adalah faktor utama dalam menentukan ketenatan sesuatu pelanggaran. Di samping itu seseorang pemandu akan menghadapi kesukaran untuk mengelakkan kemalangan disebabkan jarak yang

lebih jauh diperlukan bagi memberhentikan kenderaan. sekiranya kelajuan di peringkat yang tinggi. Adalah juga diketahui bahawa bagi kelajuan 100 k.s.j. bagi jalanraya yang kering, kenderaan tidak akan dapat berhenti di dalam jarak kurang daripada 100 meter.

Satu faktor lagi yang perlu diambil perhatian ialah jarak yang dijalani sebelum pemandu dapat bertindak balas kepada keadaan keceraasan. Semua faktor ini sekiranya tidak terkawal dalam masa yang tertentu akan mendacangkan bahaya bukan sahaja kepada pemandu sendiri tetapi juga kepada orang lain.

Mengikut perangkaan dalam tahun 1987 dari jumlah 76,882 kemalangan sebanyak 48.76% berlaku di kawasaa bandar dan 51,23% lagi di kawasan perkampungan dan kawasan yang belum maju. Ini menunjukkan satu, bahagian besar kemalangan berlaku di kawasan luar bandar termasuklah di lebuhraya. Perangkaan keseluruhannya juga menunjukkan sebanyak 60.29% kemalangan berlaku di jalan-jalan yang lurus dan saya mengagak ianya juga melibatkan lebuhraya yang kebanyakannya lurus.

Pengalaman negara-negara laia telah menunjukkan bahawa had laju jalan yang direndahkan adalah merupakan cara yang berkesan sekali dalam usaha mengurangkan bilangan kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalanraya. Oleh yang demikian, didapati kebanyakan negara-negara asing yang mengenakan. had lajunya ke atas jalanrayanya yang rendah ternyata angka-angka kemalangannya kurang. Saya rasa elok saya berikan perbandingan had-had laju beberapa negara untuk pengetahuan kita bersama:

## Had laju di Eskpress-way

Amerika Syarikat	90 k.s.j.
England	112 k.s.j.
Belanda	120 k.s.j.
Jepun	80 k.s.j.
Scandinavia	100 k.s.j.
Malaysia	110 k.s.j.

Kalau hendak laju lagi saya rasa itu kita sahaja-sahaja hendak bunuh dirilah.

Di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang telah dikuatkuasakan pada 1.1.1988 kadar kompaun bagi kesalahan lalulintas telah ditingkatkan. Ini semata-mata bertujuan untuk menghukum pihak pengguna jalanraya yang tidak mematuhi peraturan lalulintas seperti memandu terlalu laju, hendak cepat kata Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom kerana ada urusan tender katanya. Jadi, rasa saya lebih eloklah kita mengikuti had laju supaya tidak berlaku kemalangan dan dapat juga sampai ke tempat yang hendak dituju daripada kita bertempur dengan satu kemalangan dan tidak sampai langsung ke destinasi kita.

Apa yang dilakukan iaitu dengan menaikkan kompaun dengan denda-denda yang lain-lain itu dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah dengan harapan pihak pesalah ini dapat menukar tabiatnya iaitu mendisiplinkan diri dan bertanggungjawab di jalanraya.

Tindakan penguatkuasaan atas kesalahan memandu terlalu laju seharusnya ditingkatkan agar jalanraya kita tidak menjadi tempat yang membunuh orang bahkan ianya menjadi tempat yang selamat; dan dengan kesedaran bahawa usaha mengawal had laju akan menyelamatkan nyawa Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menggubal peraturan

menetapkan had laju national bagi negara kita.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh telah menyebut mengenai perkara pembelian relbas yang dibangkitkan iaitu pembelian 10 buah relbas daripada syarikat Gansnavark di Hungary dengan harga \$15 juta. Relbas ini ialah untuk digunakan bagi perkhidmatan Kulai-Singapura-Kulai seperti yang telah dilancarkan pada 27hb Ogos tahun ini oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Bagi perkhidmatan Kuala Lumpur-Ipoh-Kuala Lumpur yang telah dilancarkan pada 29.9.1988. Perkhidmatan Butterworth-Ipoh-Butterworth yang dilancarkan pada 26.10.1988 dan perkhidmatan Gemas-Mentakap-Gemas yang baru dilancarkan pada 9.12.1988.

Mengenai kes orang digilis keretapi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Kementerian, sedar kes semacam ini masih berlaku. Tetapi kalau mereka memang sengaja tempah hendak-bunuh diri manalah kita tahu. Tidak dapatlah kita menghalangnya dan tadi pun telah kita perkatakan mengenai masalah orang-orang yang digilis keretapi ini dan kita sentiasalah mengingatkan mereka seperti yang telah saya sebutkan dalam jawapan Soal Jawab Mulut tadi.

Mengenai perkara keselesaan di kot Kelas Satu KTM seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim mengenai suhu penghawa dingin, ianya boleh diubahsuai di dalam kot Kelas Satu oleh guard KTM. Dan masalahnya cuma ialah suhu yang sesuai untuk semua penumpang itu tidaklah semestinya sama. Jadi kalau tiap-tiap orang hendak suhu untuk kesesuaian dirinya sendiri tidak bolehlah tetapi kalaulah dirasakan terlalu sejuk

bolehlah minta diturunkan sedikit.

Tempat-tempat duduk dalam kot Kelas Satu KTM adalah serupa dengan tempat duduk di dalam kapalterbang. Jadi sukarlah kita hendak menentukan keselesaan itu kerana ianya adalah satu perkara yang subjektif.

Mengenai keadaan di stesen besar KTM di Kuala Lumpur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dahalan bin Haji Embun saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, pengubahsuaian stesen besar dilaksanakan dengan matlamat supaya ianya boleh menampung kehendak jangka panjang.

Memang benar sebahagian stesen besar KTM iaitu menyambung ke Dayabumi tidak digunakan pada masa sekarang tetapi bahagian stesen ini dikunci setiap masa dan seorang jaga bertugas pada waktu malam untuk memastikan anasir-anasir yang tidak diingini tidak boleh masuk.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perkhidmatan udara MAS dan ada juga yang menyentuh mengenai Jabatan Penerbangan Awam, iaitu Senator Wong Kie Yik, Senator Tiong Hiew King, Senator Pandikar Amin bin Haji Mulia, Senator Stephen Timothy Wan Ullok dan Senator Dr. Nawawi Mat Awin. Mengenai perkara berkaitan dengan penerbangan di antara Semenanjung Malaysia dan Singapura ke Sabah dan Sarawak yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu, saya sukalah menyatakan bahawa Kerajaan telah menyiasat dan meneliti masalah-masalah yang dibangkitkan itu. Berkaitan dengan ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri telahpun membuat pengumuman baru-baru ini bahawa Kerajaan telahpun mengambil keputusan tertentu untuk menyelesaikan masalah ini. Kerajaan telahpun mengambil langkah mengarahkan MAS mengadakan penambahan penerbangan serta peningkatan kapasiti bagi perkhidmatan-perkhidmatan ke Sabah dan Sarawak.

Sebenarnya langkah ini telahpun diambil semenjak beberapa bulan yang lalu berikutan pihak MAS telahpun menambahkan jumlah penerbangannya semenjak bulan November 1988. Penambahan penerbangan ini akan terus dipertingkatkan lagi pada tahun hadapan. Pihak Kerajaan seterusnya akan mengawasi prestasi perkhidmatan-perkhidmatan MAS dengan adanya perkhidmatan tambahan itu dan jika perlu

langkah-langkah lain akan diambil jika didapati masalah kekurangan penerbangan atau kekurangan kapasiti timbul selepas tempoh enam bulan daripada awal tahun hadapan. Dengan langkah-langkah yang telah diambil bersama MAS itu Kerajaan berpendapat bahawa cadangan supaya syarikat penerbangan asing dibenar mengadakan perkhidmatan ke Sabah dan Sarawak tidak wajar dibangkitkan ketika ini. Keputusan Kerajaan ini diambil berasaskan bahawa masalah kekurangan penerbangan dan kapasiti yang timbul itu adalah khususnya mengenai penerbangan-penerbangan dalam negeri di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak. Dengan demikian seharusnya perkara ini perlulah diselesaikan tanpa penglibatan pihak asing.

Mengenai soal menurunkan tambang penerbangan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, saya sukalah menyatakan bahawa pada masa iui ada berbagai-bagai jenis tambang, dengan izin, promotional fare, yang memberikan diskaun di antara 10% hingga 50% daripada tambang biasa. Tambang-tambang ini diadakan khas untuk keperluan perjalanan bagi kategori penumpang termasuk juga tujuan pelancongan.

Mengenai perkara penerbangan-penerbangan tambahan bagi MAS ke London yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Nawawi Mat Awini, ingin saya memaklumkan bahawa usaha-usaha masih diteruskan oleh pihak Kerajaan untuk merundingkan perkara ini dengan pihak Kerajaan British bagi mencapai persetujuan dengan seberapa segera. Mengenai kehilangan traffic Malaysia, dengan izin, melalui six freedoming dari negara-negara lain seperti Singapura, ingin saya memaklumkan

bahawa Kementerian, Pengangkutan dan MAS sentiasa mengawasi perkara ini dan sekiranya perlu akan mengambil langkah-langkah demi menentukan perkhidmatan-perkhidmatan MAS adalah tidak terjejas.

Mengenai lapangan terbang Sibu yang baru yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Wong Kie Yik, ingin saya memaklumkan bahawa kerja-kerja rekabentuk, bagi, civil works, dengan, izin, telahpun disiapkan. Kerja-kerja civil works di tapak dijadualkan akan dapat dimulakan pada awal tahun 1989. Pada keseluruhannya projek ini adalah dijadualkan- siap dalam tempoh tiga tahun dari tarikh pelaksanaan civil works. Lapangan terbang ini apabila siap dibina kelak akan dapat menampung operasi pesawat Boeing 737 pada waktu siang dan malam. Selain daripada lapangan terbang baru Sibu, projek-projek lain di Sarawak dan Sabah termasuk memperbaiki landasan-landasan kecil juga akan dilaksanakan pada tahun 1989.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan Haji Embun yang menyentuh mengenai seorang pekerja kiosk, dengan izin, di lapangan terbang Subang berambut panjang dan berpakaian tidak senonoh, sukacita saya memaklumkan bahawa Jabatan Penerbangan Awam sedang menyiasat tentang perkara ini. Yang Berhormat Senator C. Krishnan juga telah menyentuh mengenai perkara auto beca tiga roda. Mengenai perkara memperkenalkan auto beca tiga roda yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu ingin saya memaklumkan bahawa ianya adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pengangkutan, ianya adalah di bawah bidang urusan Kementerian Perusahaan Awam.

Yang Berhormat Senator Haji Dahalan Haji Embun juga ada menyebut mengenai memberi perhatian kepada aspek kebaikan berhubung



dengan pemandu teksi, ini termasuklah bertimbangrasa, jujur dan amanah. Jabatan Pengangkutan jalan telah mengarahkan untuk metiekankan aspek-aspek ini dalam mengendalikan ceramah, kursus jangka pendek dan juga di masa pengujian bagi mereka mendapatkan lesen kenderaan perkhidmatan awam termasuk juga untuk memandu teksi.

Mengenai tempat di mana pemandu-pemandu teksi boleh mengembalikan barang-barang tertinggal, saya rasa Kementerian Pengangkutan tidak perlu menetapkan pula tempatnya. Peraturan kebiasaan yang dibuat sekarang iaitu di mana barang-barang tertinggal di dalam teksi dihantar oleh pemandu ke balai polis yang berhampiran adalah mencukupi. Apa yang penting bagi mereka yang tertinggal barang-barang mereka dalam teksi atau mana-mana kenderaan perkhidmatan auam ialah membuat laporan di balai polis untuk membolehkan pihak polis mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengesan jika ada barang-barang yang tertinggal dalam kenderaan perkhidmatan awam itu yang menyamai barang yang dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Belanjawan yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Saya bagi pihak Kementerian mengucapkan sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan teritna kasih atas segala cadangan, pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu demi kebaikan dan meningkatkan kemajuan serta prestasi Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi Kemeuterian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk memberi jawapan.

**4.27 ptg.**

**Setiausaha Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar**  
[**Tuan Mohamed bin Jamrah**]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya meminta maaf kerana tidak menyedari bahawa Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri telah merangkumi jawapan kepada beberapa Menteri kerana saya masih berada di luar. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua yang telah memberikan saya untuk memberi jawapan kepada perbahasan yang telah dibuat oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbahsaan atas dasar-dasar am Belanjawan 1989- yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat, Menteri Kewangan pada 5hb Disember 1988 yang lalu. Saya suka memberi penjelasan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya mengenai pembangunan luar bandar termasuklah kemudahan asas, industri kecil, koperasi, MARA, KEMAS, FELCRA serta kampung-kampung baru.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Hamid Haji Latif dan Yang Berhormat Senator Azman Atar telah menyentuh tentang kemudahan infrastruktur di luar bandar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar masih banyak lagi kawasan-kawasan di luar bandar yang memerlukan kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan elektrik dan bekalan air. Atas hakikat inilah Kerajaan telah menambahkan peruntukan bagi tahun 1988 dan memperuntukkan jumlah yang besar bagi tahun 1989. Namun demikian Kerajaan terpaksa melaksanakan projek-projek kemudahan asas ini secara berperingkat-peringkat.

Mengenai agihan peruntukan kepada negeri-negeri bagi program-program kemudahan atas ini, Kerajaan masih menggunakan angkabilangan penduduk luar bandar sebagai asas pengagihan peruntukan pembangunan di luar bandar. Kerajaan akan mengagihkan peruntukan kepada negeri-negeri mengikut pencapaian liputan kemudahan-kemudahan asas di tiap-tiap negeri. Ini bermakna negeri-negeri yang liputan kemudahan asasnya masih rendah akan diberikan peruntukan yang lebih besar daripada negeri yang raencapai liputan kemudahan asas yang tinggi.

Kerajaan juga telah melaksanakan pendekatan hala cara baru bagi memodenkan kawasan-kawasan luar bandar. Di bawah pendekatan ini 3 komponen pembangunan telah diberi tumpuan:

- (i) kemajuan pertanian dengan secara pengurusan perladangan di mana kebun-kebun kecil dan bendang-bendang digabungkan;
- (ii) pengwujudan industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian; dan
- (iii) perkelompokan dan penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk membibitkan pusat-pusat pertumbuhan baru.

Di bawah pendekatan hala cara baru ini Ketnenterian akan membantu Kerajaan-kerajaan Negeri menyediakan tapak penempatan semula jika ianya melibatkan penyusunan semula kampung-kampung.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan pula menyentuh tentang pembangunan industri kecil. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan memang sedar tentang peranan dan sumbangan industri kecil dalam pertumbuhan ekonomi negara. Oleh hal yang

demikian, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah memperkemas, merapertingkat, menyelaras dan memajukan industri kecil melalui program-program bercorak 'quantitative' yang dilaksanakan oleh Kementerian ini ataupun oleh agensi-agensi yang berkaitan. Program quantitative bertujuan untuk mewujudkan atau menambahkan bilangan usahawan-usahawan dalam bidang yang kurang atau belum disertai oleh industri kecil, sementara program qualitative -pula memberi penekanan aspek-aspek memodenisasi untuk menambah produktiviti dan kualiti barangan industri kecil.

Beberapa program yang meliputi bantuan kewangan, khidmat naaihat, penyelidikan dan pembangunan akan- terus dilaksanakan. Di samping itu, Kerajaan juga akan memperkenalkan galakan-galakan khas untuk faedah industri kecil seperti taraf perintis, potongan cukai dan tender-tender Kerajaan untuk pengusaha-pengusaha kecil.

Bagi mengawasi mesin-mesin yang dibekalkan di bawah bantuan industri kecil seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah Mohd. Salleh, Kementerian ini telahpun melantik 12 orang penyelia kejuruteraan yang ditempatkan di tiap-tiap negeri bagi mengawasi mesin-mesin yang telah dibekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator P. Balaram pula meminta Kerajaan agar dapat memulih kembali gerakan koperasi. Bagi menggerakkan kembali perjalanan institusi-koperasi ini, Kementerian telahpun membuat arahan kepada Jabatan Pembangunan Koperasi supaya memberi perhatian yang serius dalam mengawasi perjalanan koperasi di seluruh negara. Daripada permohonan-permohonan untuk menubuhkan koperasi-koperasi baru menunjukkan orang ramai masih lagi menaruh keyakinan kepada gerakan koperasi di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak timbul masalah koperasi pengambilan

deposit pada tahun 1986 sehingga November 1988, sebanyak 398 koperasi baru telah didaftarkan. Di samping itu ada juga permohonan untuk menubuhkan koperasi baru telah ditolak kerana mereka didapati tidak memahami konsep dan falsafah koperasi yang sebenarnya.

Yang Berhormat Senator Douglas Sullang pula menyentuh tentang pembinaan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) sememangnya bercadang untuk membina sebuah MRSM di Sarawak di mana kerja-kerja mengukur tanah telahpun dijalankan setelah Kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak \$5.5 juta untuk projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah Mohd. Salleh juga meminta agar kurikulum pendidikan kelas Tadika diselaraskan. Berhubung dengan perkara ini, pihak Kementerian sedang berusaha untuk menyelaraskan kurikulum pendidikan tersebut termasuklah bagi kelas Tabika, Tadika dan Taski di seluruh negara berdasarkan kurikulum Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Senator Hassan Nam pula telah merainta Kementerian memberi kelonggaran syarat bagi membolehkan FELCRA memajukan tanah-tanah terbiar Orang Asli yang belum digazetkan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak FELCRA tidak boleh meraajukan tanah-tanah terbiar Orang Asli yang belum digazetkan. Ini adalah kerana tanah-tanah terbiar yang belum digazetkan itu masih dianggap sebagai tanah Kerajaan Negeri dan pihak FELCRA mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri sekiranya tanah-tanah tersebut hendak dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Chai Ho telah menyentuh berbagai masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung baru. Masalah kampung baru telahpun disentuh oleh Yang

Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tetapi saya mengambil kesempatan di sini untuk memberikan tambahan kepada apa yang telah disarankan oleh Senator yang bersangkutan-paut dengan Kementarian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar tentang masalah-masalah itu dan langkah-langkah tertentu sedang dan telah diambil untuk mengatasinya. Kerajaan sedang berusaha untuk mengeluarkan hakmilik pajakan kepada pemohon-pemohon yang layak sekurang-kurangnya 60 tahun oleh Kerajaan Negeri. Di Selangor Darul Ehsan pula, Kerajaan Negeri telahpun membina, taman-taman perumahan di sekitar kampung-kampung baru bagi mengurangkan kesesakan penduduk ini. Di samping itu, Kerajaan juga telah merapelbagaikan kegiatan ekonomi di luar bandar termasuk kampung-kampung baru. Pengusaha-pengusaha kecil di kampung baru juga berpeluang membuat pinjaman melalui Bank. Pembangunan Malaysia atau Malaysian Industrial Development Fund, (MIDF). Selain dari itu, Kerajaan juga menggalakkan pengusaha industri kecil secara usahasama (joint-venture) di antara penduduk-penduduk kampung baru dengan kampung tradisional.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar kadar kemiskinan di kampung baru dan dengan adanya Dasar Ekonomi Baru inilah Kerajaan berhasrat untuk membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum di mana peluang-peluang pekerjaan dibuka kepada semua kaum bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan yang diperuntukkan di bawah Kementerian ini adalah untuk pelaksanaan projek kecil yang berbentuk infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas. Peruntukan ini adalah bagi menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi pelaksana lain seperti JKR, LLN, JPA, JPT dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam memajukan kampung-kampung baru.

Yang Berhormat Senator Chang Choong Tak pula meminta Kerajaan mendirikan sekolah-sekolah baru di kampung-kampung baru. Untuk maklutan Yang Berhormat, Kerajaan memang sentiasa memberi penekanan kepada taraf pendidikan dan peluang-peluang pendidikan kepada masyarakat luar bandar. Setakat ini sebanyak 92% daripada kampung-kampung baru sudahpun mempunyai sekolah rendah yang selesa digunakan dan 20% daripada kampung baru juga mempunyai sekolah-sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang melibatkan bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di atas cadangan, pandangan dan teguran yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Timbalan Menteri daripada Kementerian Kerjaraya.

#### **4.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan kornen-komen dan cadangan-cadangan ke atas tanggungjawab Kementerian Kerjaraya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Pembangunan 1989. Saya menghargai pendapat-pendapat Ahli Yang Berhormat semua dan dengan ini sukacita saya menjawab komen-komen dan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat tersebut untuk perhatian dan makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah meminta Menteri Kerjaraya menyatakan kenapa Jambatan Seri Medan di Batu Pahat tidak boleh digunakan walaupun telah siap dibina.

Jambatan tersebut pencing untuk murid-murid berulang-alik ke sekolah, kata beliau. Beliau juga meminta supaya Jabatan Kerjaraya membaiki jalan Muar - Batu Pahat yang dianggap terlalu teruk pada hal jalan tersebut merupakan jalan utama menghubungkan dari Kuala Lumpur ke Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Jambatan Sri Aman di Batu Pahat, sukalah saya memaklumkan bahawa projek tersebut adalah projek Kerajaan Negeri Johor. Saya telah difahamkan bahawa pembinaan jambatan itu walaupun telah siap tetapi jalan yang menghubunginya belum disiapkan kerana masalah pengambilan tanah. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan masalah ini telahpun dapat diatasi dan pembinaan jalan tersebut sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan- Januari tahun depan. Berkenaan dengan jalan Muar - Batu Pahat, kerosakan yang berlaku. adalah disebabkan oleh mubin, jalan konkrit yang dibuat pada masa dahulu. Pihak Kementerian Kerjaraya memang sedar masalah ini dan sedang membuat kajian mengambil langkah yang sesuai untuk mengatasinya. Sebagai langkah percubaan sebahagian jalan tersebut sepanjang 1 kilometer akan dibaikpulih menggunakan teknik-teknik yang tertentu. Sekiranya ini berjaya keseluruhan jalan yang diperbaikpulih dengan cara tersebut. Buat sementara ini penyelenggaraan biasa sentiasa dilakaukan dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Tan Chai Ho meminta Kerajaan membina jalan raya yang menghubungi Sibu - Kanowit Song - Kapit dan Belaga. Beliau menyatakan bahawa kawasan-kawasan ini hanya boleh dihubungi oleh sungai-sungai sahaja. Beliau juga meminta Kerajaan supaya mempercepatkan pelaksanaan dan penurapan jalan raya utama



negeri Sarawak. Mengenai perhubungan di antara Sibu - Kanowit Song - Kapit dan Belaga, Kerajaan sememangnya sedar bahawa kawasan-kawasan itu hanyalah dapat dihubungi melalui sungai sahaja. Buat masa ini Kerajaan tidak ada cadangan membina jalan yang menghubungkan kawasan-kawasan tersebut kerana Kerajaan Persekutuan berpendapat jalan raya utama negeri Sarawak dari Semantan - Miri perlu disiapkan terlebih dahulu sebelum jalan-jalan masuk boleh dibina dari jalan raya utama tersebut.

Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai cadangan untuk membina sebahagian daripada jalan raya menghubungkan kawasan-kawasan tersebut iaitu dari Libong ke Tadak sejauh 18 kilometer. Perkara ini masih lagi di peringkat kajian Sabah, Sarawak Road Transport Review, dengan izin. Laporan akhir mengenai kajian tersebut dijangka siap awal tahun depan. Mengenai jalan raya utama negeri Sarawak yang jaraknya lebih kurang 1,200 kilometer Kerajaan Persekutuan sememangnya memberi keutamaan bagi melaksanakan pembinaan jalan raya tersebut. Sudah tentu untuk mengeluarkan perbelanjaan sekali gus bagi menyiapkan jalan raya yang begitu panjang tidak mampu dikeluarkan oleh Kerajaan, tambahan pula dalam beberapa tahun kebelakangan ini keadaan kewangan Kerajaan tidak mengizinkan. Oleh yang demikian, Kerajaan melaksanakan pembinaan jalan raya utama tersebut secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan keadaan kewangan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan yang sangat besar jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia termasuk Sabah. Bagi pembinaan

jalan raya di Sarawak pada tahun 1988 dan 1989 akan datang, pada tahun 1989 Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak \$4,155 juta bagi pembinaan jalan-jalan negeri Sarawak berbanding dengan negeri Sabah sebanyak \$127 juta. Dengan peruntukan tersebut Kerajaan berharap jalan raya utama negeri Sarawak akan disiapkan dalam beberapa tahun akan datang.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Douglas Sullang Anak Ganda, dalam perbahasannya, meminta Kerajaan menyatakan berapakah peruntukan yang disediakan bagi membina jalan raya utama negeri Sarawak pada tahun 1989 dan beliau juga ingin tahu bilakah bahagian jalan raya utama di Sri Aman - Sibul akan siap, Bagaimana yang telah saya katakan sebelum ini, peruntukan yang disediakan bagi membina dan menaikkan taraf jalan raya di negeri Sarawak bagi tahun 1989 berjumlah \$155 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$125 juta telah diperuntukkan, bahagi membina jalan raya utama daripada Semantan - Sempadan Brunei. Berhubung dengan bilakah jalan di Bahagian Sri Aman - Sibul akan siap pembinaannya, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa tender bagi kerja-kerja menaikkan taraf telahpun dikeluarkan dan sekiranya tidak ada apa-apa masalah dalam kerja-kerja bahagian tersebut dijangka siap keseluruhannya dalam tempoh 3 hingga 4 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan dan saya sekali lagi ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat serta memberi teguran dan pandangan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang tersebut. Bagi teguran-teguran

dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya jawab, sukalah saya memaklumkan bahawa semua teguran-teguran dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan akan dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Kerjaraya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di—Pertua:** Sekarang saya jemput Menteri Perusahaan Utama,

**4.46 ptg.**

**Dato' Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi pandangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama sepanjang perbahasan atas dasar-dasar am di Dewan yang mulia **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai syor Senator Tuan Douglas Sallang dari Sarawak pada 8hb Disember, 1988, Kementerian mengambil makluman atas saranan Yang Berhormat supaya Kementerian Perusahaan Utaraa meneruskan kerjasama antarabangsa dalam Pertubuhan Lada Antarabangsa (IPC), di mana IPC akan terus mengambil langkah-langkah positif untuk memajukan industri lada hitam, baik dari segi bekalan mahupun permintaan di samping mengadakan program galakan pasaran sambil menjalankan kajian-kajian untuk meningkat dan memperbagaikan penggunaan lada hitam berasaskan makanan mahupun bukan makanan. Malaysia akan terus bekerjasama dengan negara-negara pengeluar utama lada menerusi Pertubuhan Lada Antarabangsa supaya satu persefahaman terus dikekalkan bagi memperluaskan pasaran lada.

Di samping itu juga Malaysia akan menyertai program-program galakan pasaran bersama yang dianjurkan oleh IPC bagi tujuan meningkatkan penggunaan lada hitam dan mengadakan penyelidikan untuk kegunaan baru lada hitam di peringkat kebangsaan. Jemaah pemasaran lada hitam telah mengambil langkah-langkah yang lebih positif untuk menembusi pasaran baru di Asia Barat di samping mengukuhkan pasaran-pasaran tradisi di Jepun, Eropah Barat dan Amerika Syarikat serta meneroka peluang-peluang pasaran di Eropah Timur. Jemaah pemasaran lada hitam juga mengawal dan mengatur amalan pemasaran dalam negeri supaya memberi peluang yang sebaik-baiknya kepada para pekebun lada dan menggalakkan eksport lada yang bermutu dan secara terkawal.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dari Sarawak, sebenarnya di peringkat antarabangsa nama lada yang digelar sebagai "black pepper" atau "white pepper", dengan izin, memang telah lama dikenali dan diiktiraf oleh semua pengimport. Ini adalah kerana kedua-dua jenis lada itu mempunyai mutu dan harga yang berbea memandangkan lada hitam dan lada putih merupakan dua jenis keluaran yang berlainan. Harga lada putih lebih tinggi daripada lada hitam kerana ianya telah menjalani proses yang berlainan. Oleh itu adalah tidak mungkin penggunaan nama lada hitam itu secara menyeluruh akan menjejaskan mutu dan harga bahan tersebut. Sebaliknya, pihak industri memang sedar dan sentiasa maklum akan perbezaan mutu di antara lada hitam dan lada putih.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kempen anti kayu tropika yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Stephen Timothy, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan tidaklah berdiam diri tentang kempen-kempen yang dijalankan itu. Sebaliknya, beberapa usaha menentang kempen-kempen itu telahpun dijalankan, manakala usaha lain telahpun dirancang untuk dilaksanakan, Kerajaan Malaysia telah juga mendapatkan kerjasama negara-negara ASEAN untuk menentang kempen anti kayu tropika di mana perwakilan peringkat Menteri ASEAN akan dihantar untuk berunding dengan negara-negara EEC jika perlu bagi membendung pengaruh kempen anti kayu tropika oleh MGO di Eropah.

Selain daripada itu, Kerajaan Malaysia telah juga mengemukakan kercas maklumat ke mesyuarat ITTO baru-baru ini mengenai usaha-usaha pengurusan dalam pemeliharaan hutan tropika di Malaysia supaya ITTO tidak terpengaruh dengan kempen anti kayu tropika. Usaha-usaha

menentang yang telahpun dijalankan termasuklah mengeluarkan maklumat-maklumat tepat mengenai pengurusan hutan tropika di Malaysia dalam bentuk risalah-risalah mahupun gambar-gambar dan juga pelaksanaan dasar-dasar pengurusan hutan Malaysia. Di samping itu, Kerajaan juga menghantar pegawai-pegawainya untuk menyertai forum-forum atau seminar antarabangsa mengenai pengurusan hutan dan perlindungan alam sekitar di mana dasar-dasar Kerajaan Malaysia telah dapat dijelaskan kepada masyarakat antarabangsa. Kerajaan akan meneruskan kegiatan-kegiatan seperti ini di samping menjalankan usaha-usaha lain bagi menyebarkan lagi penentangan Malaysia terhadap kempen-kempen anti kayu tropika ini di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan-penjelasan yang telah saya berikan diharap telah menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan mana-mana yang saya tidak jawab, Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil perhatian atas pandangan-pandangan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, dan dengan itu, sekian, terima kasih.

**Timbalan Tang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Menteri Pertahanan.

#### **4.54 ptg**

**Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab beberapa pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu, saya ingin mengambil peluang di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 1989, khasnya kepada Senator-senator yang telah memberi paadangan dan syor-syor kepada Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Hamid Araby Haji Md. Salih atas sokongan serta pandangan positif beliau terhadap rancangan Kerajaan untuk membeli peralatan dari negara Britain. Sokongan Yang Berhormat itu memang wajar kerana langkah pembelian alat kelengkapan pertahanan adalah perlu dibuat dalam keadaan negara yang sedang aman ini. Pembelian ini penting untuk meningkatkan lagi keupayaan Angkatan Tentera kita dari kedudukan yang ada sekarang ke suatu tahap yang credible demi mempertahankan kepentingan negara, termasuklah kepentingan strategi dalam menghadapi sebarang kemungkinan. Rancangan pembelian peralatan pertahanan yang lebih moden adalah selaras dengan konsep pertahanan negara yang berlandaskan kepada dasar berdikari dan strategy deterrent.

Yang Berhormat Senator Hamid Araby juga telah membangkitkan soal pesawat A4 Skyhawk yang tidak dapat berfungsi lagi serta mengesyorkan supaya TUDM membuat pertimbangan yang tepat semasa pembelian-pembelian pesawat pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pesawat A4 Skyhawk tidaklah diberhentikan terus perkhidmatannya. Penghentian penerbangannya bukanlah bertakna pesawat tersebut sudah tidak boleh digunakan lagi. Pesawat-pesawat tersebut sebenarnya tidak rosak, tetapi hanya terpaksa menjalani pemeriksaan mendalam terhadap enjin dan sistem-sistem yang laia yang berkenaan untuk memastikan supaya pesawat-pesawat ini benar-benar selamat digunakan. Pemeriksaan ini sedang dibuat oleh AIROD. Hingga kini beberapa sistem enjin telah diperiksa dan beberapa pengubahsuaian telah dicadangkan untuk mempertingkatkan reliability, dengan izin, sistem enjin itu. Keputusan penerbangan akan hanya dibuat selepas pemeriksaan tersebut selesai dibuat.

TUDM telahpun menimbang semasak-masaknya sebelum keputusan untuk mendapat pesawat Skyhawk. Tidak dapat dinafikan Skyhawk ialah sebuah pesawat yang baik untuk peranan-peranan yang dikehendaki seperti serangan di medan peperangan dan serangan jarak dekat. Kerajaan telah mengambil kira dari berbagai aspek sebelum satu-satu jenis pesawat dibeli. Selain dari spesifikasi yang diperlukan, penyesuaian kegunaan serta kemampuan operasi telah diambil kira. Tidak semua pesawat terpakai itu tidak baik dan kemalangan yang berlaku terhadap pesawat A4 TUDM bukanlah bermakna kerana pesawat tersebut terpakai, kerana pesawat pejuang jenis yang termoden juga tidak lepas dari berlakunya kemalangan kerana kadangkala kemalangan pesawat adalah di luar kawalan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom pula telah membangkitkan soal projek perumahan Angkatan Tentera dan menggesa Kerajaan supaya memberi perhatian yang khusus terhadap perkara ini. Terima kasih atas perhatiari Yang Berhormat itu, Sebenarnya masalah kekurangan tempat tinggal untuk anggota tentera semang disedari oleh Kementerian Pertahanan dan masalah ini telah diberi satu keutamaan yang tinggi dalam projek pembangunan Kementerian Pertahanan.

Beberapa rancangan khusus untuk mengatasi masalah perumahan Angkatan Tentera ini sedang dirangka oleh Kementerian Pertahanan. Di antaranya ialah rancangan membina rumah-rumah keluarga di atas tanah kepunyaan Kementerian Pertahanan yang sudah sedia ada, pembelian rumah-rumah dari pemaju-pemaju perumahan swasta, menyewa rumah secara kelompok oleh Kementerian Pertahanan dan rancangan 'turnkey' untuk tahun 1989. Sebagai langkah awal, Kementerian Pertahanan telah diberikan tanggungjawab untuk memajukan sebidang



tanah dekat dengan Kementerian Pertahanan iaitu di Hawthornden Estate untuk dijadikan kawasan perumahan untuk anggota Angkatan Tentera.

Untuk makluman Dewan yang mulia **ini**, suka saya nyatakan di **sini** iaitu dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pertahanan diberikan peruntukan untuk membina atau membeli 5,144 unit rumah. Sehingga ini sebanyak 680 unit rumah sudah siap dibina 2,500 unit lagi dalam pelbagai peringkat pembinaan dan pelancaran pembinaan dan yang berbaki lagi akan dimulakan sebelum akhir tahun 1989.

Adalah dijangka menjelang akhir tahun 1990 sebanyak 3,500 unit rumah akan siap dan boleh diduduki sementara 1,644 unit lagi akan siap pada akhir tahun 1991 dan akhir tahun 1992. Di samping itu Kementerian sedang menyewa lebih kurang 2,000 unit rumah untuk menampung keperluan tempat tinggal anggota tentera.

Masalah perumahan ini telah mendapat perhatian yang serius dari Kerajaan di mana satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun dibentuk semata-mata untuk mengatasi masalah perumahan ini. Saya percaya dengan terlaksananya rancangan-rancangan yang saya nyatakan tadi, akan dapat mengurangkan masalah kekurangan tempat tinggal yang dihadapi oleh Angkatan Tentera, insya Allah.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya, ulasan saya terhadap beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh dua orang Senator ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1989.

Sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Senator-senator lain, saya sukalah mengatakan Kementerian saya akan mengambil perhatian yang berat di atas pandangan-pandangan yang saya tidak jawab dengan khususnya. Atas pandangan-pandangan, cadangan-cadangan serta syor Ahli Yang Berhormat itu akan diberikan pertimbangan serta perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang sampai kepada giliran Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

### **5.01 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab bagi pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Dan ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran-teguran yang boleh dijadikan sebagai asas kepada Kementerian ini demi mempertingkatkan prestasi perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah membangkitkan masalah kesesakan di Pejabat Pos Banting. Ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa pihak Jabatan Perkhidmatan Pos sentiasa mengambil perhatian terhadap aspek pembangunan di dalam

perancangannya. Di samping meluaskan rangkaian perkhidmatannya di seluruh negara dengan pembinaan Pejabat-pejabat Pos yang baru, Jabatan Perkhidmatan Pos juga merancang dan melaksanakan pembinaan Pejabat Pos bagi menggantikan Pejabat-pejabat Pos yang lama.

Pembinaan Pejabat-pejabat Pos baru atau projek gantian dilaksanakan mengikut susunan keutamaan. Adalah diakui sehingga kini masih terdapat banyak bangunan Pejabat Pos lama terdapat di seluruh negara.

Di dalam hal projek gantian yang tidak dibuat, tumpuan diberikan terhadap kerja-kerja ubahsuai bangunan agar bangunan-bangunan lama sesuai untuk digunakan.

Bangunan Pejabat Pos Banting adalah sebuah bangunan Pejabat Pos yang lama. Di dalam Rancangan Malaysia Keempat pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah mengarabil tindakan untuk mendapatkan sebidang tanah seluas 3 hektar bagi membina sebuah Pejabat Pos baru Banting. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat diteruskan disebabkan harga tanah yang agak tinggi. Bangunan Pejabat Pos yang digunakan sekarang telah menjalani kerja ubahsuai termasuk membuat sambung pendawaian semula serta mengecat semula bagi menjamin kesesuaian serta keselamatan untuk terus digunakan,

Peruntukan kewangan ada disediakan bagi menyelenggara serta ubahsuai bangunan-bangunan lama yang memerlukannya dari semasa kesemasa.

Bekenaan dengan kadar sewa bayaran telefon yang tinggi di Bagan, ingin saya jelaskan bahawa sewa talian telefon dikira mengikut jarak

jauh kediaman pelanggan dari ibusawat telelon yang berdekatan.

Sewa-sewa yang dikenakan untuk talian ibusawat terus ialah:

- (i) kadar kediaman. Dalam lengkongan 4 kilometer \$204 setahun dan tambahan setiap 5 kilometer \$24 setahun atau dikira \$31 hingga \$50 sebulan.
- (ii) kadar perniagaan. Dalam lengkongan 4 kilometer \$360 setahun dan tambahan setiap 5 kilometer \$24 setahun atau dikira \$44 hingga \$54 setahun,

Sekiranya terdapat pelanggan-pelanggan yang dikenakan sewa sebanyak \$80 sebulan, saya akan membuat penyiasatan yang lanjut kalau Yang Berhormat yang berkenaan dapat memberi butir-butir tersebut.

Dengan **ini**, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan yang tidak dapat dijawab di sini, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian saya akan mengambil berat ke atas perkara-perkara tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

**5.06 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangaa dan Perindustrian [Dato' Kok Wee Riat]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan yang membina dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1989, khususnya tnengenai perkara-perkara yang menyentuh bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Izinkan saya memberikan jawapan ke atas beberapa perkara terhadap beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator Dahalan bin Haji Embun dan Senator Tiong Hiew King telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan industri dan pelaburan

Yang Berhormat Senator Dahalan bin Haji Embun telah menyentuh mengenai industri simen dan meminta Kerajaan mengkaji semula galakan eksport bahan tersebut kerana terdapat benar kemungkinan simen yang dihantar keluar negeri balik semula ke Malaysia dengan harga jualan yang lebih murah daripada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan di pasaran negara. Menurut beliau harga jualan untuk eksport ialah lebih kurang \$4.25 satu bag, manakala harga yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk jualan dalam negeri ialah \$9,06 satu bag. Beliau juga menyuarakan kebimbangannya atas harga simen yang tinggi sekarang akan membebankan pengguna dan menyebabkan banyak projek pembangunan terbengkalai.

Mengenai teguran Yang Berhormat Senator Dahalan bin Haji Embun, saya sedar bahawa simen Malaysia yang dieksport harganya lebih murah daripada harga simen di pasaran tempatan, kerana harga eksport terpaksa dibuat berdasarkan persaingan di pasaran luar yang tertentu. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak mempunyai bukti bahawa simen yang dieksport dari Malaysia diimport semula ke negara ini. Walau bagaimanapun adalah tidak wajar simen yang dieksport itu diimport semula ke negara ini memandangkan duti import ke atas simen adalah tinggi (50% atau \$80 setan yang mana lebih tinggi); oleh itu tidak ekonomik untuk mengimport semula simen-simen itu ke Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran simen untuk eksport oleh pengusaha-pengusaha tempatan adalah bertujuan untuk menggunakan

lebih kapisiti kilang mereka dan untuk menjual stok-stok yang berlebihan akibat daripada permintaan dalam negeri yang lembab. Sebenarnya tidak ada galakan-galakan eksport yang khas untuk simen. Galakan-galakan yang dinikmati oleh pengeksport simen juga dinikmati oleh pengeksport keluaran-keluaran lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Mengenai harga simen di pasaran dalara negeri yang dikatakan membebaskan pengguna-pengguna, sebenarnya harganya adalah berpatutan dan stabil semenjak tahun 1981. Bagi projek-projek seperti projek khas rumah kos rendah Kerajaan telah menetapkan penjualan simen bagi projek-projek ini pada harga yang lebih murah daripada harga biasa pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King telah memberi pandangan bahawa ketegangan politik negara sekarang hendaklah dihindarkan supaya negara Malaysia menjadi lebih kondusif untuk tarikan pelaburan asing.

Beliau juga menyatakan bahawa pemansuhan AP atas import barang-barang dari Republik Rakyat China merupakan petanda baik dalam perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China. Dalara hubungan ini, beliau mencadangkan supaya pihak Kerajaan raengambil langkah-langkah tertentu bagi melonggarkan syarat-syarat terhadap perdagangan dan pelaburan serca memberi kebebasan bagi pengusaha-pengusaha kedua-dua negara bertukar lawatan pada bila-bila masa supaya meningkatkan lagi perdagangan- dua hala di antara Malaysia dan Republik Rakyat China.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keadaan politik negara yang dibangkitkan itu, suka saya menyatakan bahawa pergolakan politik yang terdapat di negara kita ke belakang ini tidaklah bermakna yang keadaan politik di Malaysia sekarang tidak stabil. Disebaliknya perkembangan dan pergolakan politik Malaysia sekarang menunjukkan kematangan berpolitik di samping membuktikan bahawa sistem demokrasi adalah hidup dan wujud di negara kita.

Kemasukan pelaburan asing ke sesebuah negara itu bukanlah hanya bergantung kepada faktor politik sahaja tetapi juga berdasarkan kepada peluang-peluang pelaburan, polisi pelaburan dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan di samping kemudahan infrastruktur, tenaga buruh yang tinggi produktivitinya dan mudah dilatih, sistem birokrasi yang cekap dan cepat, pengurusan ekonomi negara yang baik, suasana hidup yang aman, sikap Kerajaan terhadap pelabur-pelabur asing dan sebagainya, Kesemua faktor-faktor yang positif ini wujud di Malaysia. Buktinya ialah peningkatan jumlah pelaburan asing antara tahun 1986 hingga Oktober 1988 yang menunjukkan jumlah pelaburan bertambah dari \$1.7 billion kepada \$4.3 billion.

Adalah jelas bahawa keadaan perkembangan politik negara tnsa kini tidaklah memberi kesan kepada keyakinan pelabur-pelabur asing untuk memilih Malaysia sebagai pusat pelaburan di rantau ini, kerana mereka raemahami keadaan sebenar dan kelebihan-kelebihan yang terdapat di Malaysia .

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara urusan perdagangan di antara Malaysia dengan RRC, sukalah saya memaklunikan bahawa Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah bagi melonggarkan syarat-syarat amalan perdagangan dan pelaburan kepada pengusaha-pengusaha dan pedagang-pedagang kedua-dua buah negara untuk tujuan melicin dan memesatkan lagi perdagangan dua-hala Malaysia-Republik Rakyat China. Sebagai contoh, pada lhb April, 1988 yang lalu, Kerajaan telahpun menandatangani Perjanjian Perdagangan dengan RRC dan seterusnya pada

21hb November, 1988 yang lepas kedua-dua negara telah menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan. Selain dari perjanjian-perjanjian ini, Kerajaan juga telah menandatangani perjanjian Avoidance of Double Taxation dan Perjanjian Perkapalan dengan tujuan untuk meningkatkan lagi perdagangan dua-hala Malaysia-RRC.

Pada masa yang sama Kerajaan juga telah melonggarkan syarat-syarat bagi pedagang-pedagang Malaysia dan RRC untuk saling melawat antara satu sama lain. Sebagai contoh, seramai 1,900 pedagang Malaysia telah melawat RRC dalam tahun 1987 dan dalam tempoh Januari hingga Oktober 1988, jumlah ini telahpun meningkat kepada 2,300 pedagang. Bagi lawatan pedagang-pedagang RRC ke Malaysia dalam tahun 1987 sebanyak 15 lawatan telah dilakukan dan jumlah ini telah meningkat kepada 55 lawatan untuk tempoh Januari hingga Oktober 1988. Pada masa-masa lepas Kerajaan hanya membenarkan lawatan rakyat Malaysia ke RRC untuk tempoh maksima selama 6 bulan tetapi mulai 14hb September, 1988 tempoh lawatan ini telah dipanjangkan untuk tempoh satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajjah Rogayah Che Mat telah mencadangkan supaya Kerajaan menumpukan perhatian meng-eksport komoditi negara ke negeri China untuk meningkatkan pendapatan negara. Berhubung dengan perkara ini adalah disedari bahawa Malaysia tidak seharusnya bergantung kepada barangan eksport tradisional, barang-barang komoditi dan pasaran tradisi seperti negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat. Justeru itu adalah menjadi harapan Kerajaan agar pengeksport-pengeksport Malaysia memberi perhatian yang sewajarnya kepada RRC sebagai pasaran untuk barang-



barang eksport Malaysia sama ada barang-barang komoditi mahupun barang-barang kilang.

Selaras dengan tujuan ini Kerajaan telahpun menandatangani Perjanjian Perdagangan, Perjanjian Pelaburan, Perjanjian Perkapalan, Perjanjian Pengelakkan Cukai Berganda seperti yang saya sebutkan di samping menggalakkan ahli-ahli perniagaan Malaysia melawat negara tersebut agar usaha-usaha untuk mengeksport ke RRC dapat dipertingkatkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil dari langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ke arah tujuan ini, eksport Malaysia ke RRC telah meningkat dari \$398.5 juta dalam tahun 1985 kepada \$422.1 juta dalam tahun 1986 dan \$702.8 juta dalam tahun 1987. Dalam tempoh bulan Januari hingga Julai 1988 ini, jumlah eksport Malaysia ke RRC telahpun mencatatkan sebanyak \$528.3 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee menyarankan supaya insentif-insentif yang ditawarkan untuk menggalakkan pelaburan mestilah secara 'selective' dan jangan selalu menumpukan kepada pelabur-pelabur asing, Ini adalah kerana pelaburan dari sumber tempatan juga memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi dan tidak akan berlaku pengaliran keluar wang tukaran kerana lazimnya keuntungan yang dibuat akan dilaburkan semula di dalam negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan pada ketika ini menggalakkan pelaburan-pelaburan tidak mengira dan semua insentif yang disediakan adalah terbuka kepada pelabur asing dan juga pelabur tempatan. Adalah tidak benar mengatakan hanya pelabur-pelabur asing sahaja diberi keistimewaan manakala pelabur-pelabur tempatan telah tidak dihiraukan. Persepsi ini mungkin telah timbul oleh kerana

misi-misi penggalakan pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan keluar negeri telah banyak menerima publisiti daripada seminar-seminar penggalakan pelaburan yang diadakan di dalam negeri bagi menggalakan pelaburan tempatan,

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan skim insentif bagi perusahaan kecil yang baru-baru ini diperkenalkan, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedang merangka prosedur-prosedur bagi melaksanakan insentif ini agar industri-industri kecil yang berminat untuk mendapatkan insentif ini dapat menikmatinya dengan mudah.

Berhubung dengan cadangan supaya ditubuhkan Pusat Serenti bagi perusahaan kecil dan -sederhana, pada pandangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian penubuhannya mungkin tidak perlu oleh kerana kesemua permohonan-permohonan bagi mendapatkan insentif bagi perusahaan kecil di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 akan diselaraskan melalui Pusat Penyelarasan Pelaburan atau COI yang bertempat di MIDA di mana pegawai daripada Kementerian/Jabatan yang berkenaan ada ditempatkan di situ.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator-senator Tuan Haasan Nam, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom, Puan Habidah binti Jusoh dan Puan Noraini Beluah telah meminta Kerajaan memberikan perhatian berat kepada kenaikan harga barang-barang kerana ianya menjejaskan belanja hidup rakyat. Sukalah saya menyatakan bahawa kenaikan harga barang-barang perlu dan barang-barang mewah di negara ini memang berlaku dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, ianya tidaklah dilakukan sewenang-wenangnya iaitu tanpa pengawasan dari Kerajaan. Punca utama kenaikan harga barang-barang ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga bahan-bahan mentah yang diimport. Kuasa penawaran dan permintaan di pasaran-pasaran, perubahan-perubahan kadar pertukaran matawang asing dan sebagainya. Dalam hubungan ini, dasar yang diamalkan oleh Kerajaan kita ialah sebarang kenaikan harga adalah dibenarkan, tetapi hendaklah berpatutan dan disebabkan oleh faktor-faktor yang menasabah serta tidak dapat dielakkan. Untuk menjamin harga barang-barang keperluan di negara sentiasa atabil dan berpatutan, Kerajaan telah dan akan terus melaksanakan beberapa bentuk pengawasan dan kawalan. Walau bagaimanapun, pengawasan yang dilaksanakan ini tidaklah sampai ke tahap mengawal harga barang-barang secara undang-undang oleh kerana Kerajaan berpendapat bahawa kawalan harga secara ini adalah tidak menguntungkan negara di samping ianya bertentangan dengan dasar perdagangan bebas yang diamalkan oleh negara kita pada maaa **ini**. Pengawasan harga yang dilaksanakan terhadap barang-barang keperluan asas seperti gula pasir, tepung gandum, simen, batu bulat, keluli lembut dan bahan-bahan petroleum ialah dengan cara menetapkan

harganya secara pentadbiran. Setiap kenaikan harga barang-barang ini hendaklah mendapat persetujuan dan kelulusan Kerajaan terlebih dahulu. Sebelum sesuatu cadangan kenaikan diluluskan oleh Kerajaan, ianya akan dikaji dengan teliti oleh sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kajisemula Harga yang ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dalam menimbangkan sebarang permohonan kenaikan harga dari sesebuah syarikat pengeluar, Jawatankuasa ini akan mengkaji serta mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak iaitu pihak pengeluar dan juga pihak pengguna,

Di samping tindakan-tindakan yang dinyatakan di atas, Kerajaan juga melaksanakan tindakan untuk mengawal bekalan 20 jenis barang pada sepanjang maaa dan 25 jenis barang lagi di musim-musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Tujuan kita adakan kawalan bekalan ke atas barang-barang ini ialah untuk mencegah sebarang penyorokan dan memastikan barang-barang ini boleh diperolehi dengan mudah di pasaran dan bekalannya adalah stabil. Dengan adanya keatabilan bekalan barang-barang ini pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tidak akan kesempatan untuk mengeksploitasi harganya dan pada akhirnya akan mewujudkan penawaran harga yang berpatutan. Dengan adanya pengawasan dan tindakan kawalan yang dinyatakan kenaikan harga barang-barang yang melambung tinggi telah dapat disekat.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan kepada beberapa isu tertentu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya mempersilakah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

**6.26 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Belanjawan yang berkaitan dengan Kementerian ini banyak mendapat perhatian dari Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagaimanapun saya ingin memberikan reaksi terhadap 4 orang yang bukan sahaja memberi perhatian yang serius, tetapi juga memberi ulasan-ulasan yang agak mendalam. Mereka ialah yang prolifik sekali iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom Maasom, Yang Berhormat Tuan Hassan Nam, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Latiff dan Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy.

Soal RISDA nampaknya mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom iaitu beliau telah mencadangkan supaya skim kredit sebanyak \$200 sebulan diberikan kepada pekebun kecil mulai tanaman semula diselenggarakan sehingga tanaman semula dapat mengeluarkan hasil. Bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa skim seperti ini telah dilaksanakan oleh RISDA beberapa tahun yang lalu tetapi skim ini sekarang ini telah diberhentikan kerana didapati tidak mencapai hasil dan kesan sepertimana yang diharapkan. Dia memandang saya tersekat saya sekejap.

Untuk makluman bersama, skim yang dilaksanakan oleh RISDA pada waktu ini sebenarnya telah dapat mencapai hasil yang dimaksudkan iaitu menolong pekebun kecil daripada awal penanaman sehinggalah pada peringkat mengeluarkan hasil. Dan di samping itu dapat juga kebolehan tunai yang boleh membantu dalam kehidupan mereka hari-

hari. Selain daripada itu RISDA juga memberi subsidi kontan iaitu memberi kelonggaran di dalam usaha-usaha penanaman semula pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hassan Nam telah menggesa Kerajaan supaya menyegerakan proses pengwartaan Tanah-tanah Simpanan Orang-orang Asli di geluruh negara supaya tanah-tanah, tersebut dapat diusahakan seterusnya. Kementerian ini sememangnya mengambil perhatian yang berat terhadap perkara ini dan sekarang telah berusaha bersungguh-sungguh dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya proses pengwartaan ini iaitu pengwartaan Tanah-tanah Simpanan Orang-orang Asli ini di seluruh Malaysia dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Sehingga kini jumlah kaluasan Tanah Simpanan Orang Asli yang telah diwartakan ialah 36,388.6 hektar. Dan sebanyak 36,518.9 hektar telah- diluluskan, tetapi masih belum diwartakan lagi. Manakala permohonan untuk kelulusan pengwartaan ialah sebanyak 87,781 hektar telah diterima daripada mereka. Memang sebenarnya dalam perkara ini banyak sebab-sebab mengapa berlakunya sedikit kelambatan dalam proses pengwartaan **ini**. Antaranya ialah ada di antara kawasan-kawasan yang dikenalpasti tennasuk yang dikenalpasti untuk diwartakan sebagai Simpanan Orang Asli terletak dalam kawasan Reserve Melayu dan Reserve Hutan (Forest Reserve). Oleh itu ini memerlukan pembatalan reserve tersebut terlebih dahulu untuk memproseskan pengwartaan seperti itu dan tentunya akan mengambil masa.

Sebab yang kedua ialah ada di setengah-setengah kawasan terdapat pula masalah-masalah pengukuran tanah (land survey) dengan izin, kerana adanya keadaan yang tidak memuaskan seperti bentuk dan ciri-ciri tanah tersebut ada yang berbukit, ada yang berlurah dan ada juga yang berpaya ataupun orang panggil lecak.

Yang ketiga, ada juga anggapan secara menyeluruh bahawa kawasan Orang-orang Asli itu memang sudah dirisabkan, lagi pula mereka tidak dihalau daripada kawasan mereka. Jadi, anggapan bahawa mereka ini sudah selamat di situ maka tidak ada inisiatif ataupun daya utama bukan sahaja daripada mereka tetapi juga daripada pihak yang berkuasa untuk memproseskan pewartaan.

Masalah yang keempat ialah adanya usaha-usaha bagi mengadakan rancangan pengumpulan semua Orang Asli di sesuatu tempat tertentu.

Yang kelima ialah pewartaan kawasan adalah berdasarkan kepada keutamaan sama ada sesuatu kawasan itu telah dirancangan untuk pembangunan. Jadi, kalau ada rancangan untuk pembangunan tentu sekali terjejas sebarang usaha untuk mewartakan tanah-tanah seperti itu.

Yang Berhormat Senator Puan Valli Mutusamy telah menyarankan supaya peneroka-peneroka di rancangan FELDA harus mencerminkan komposisi kaum di negara ini. Sebenarnya pada keseluruhannya didapati bahawa peneroka dari keturunan Cina, India dan lain-lain tidak begitu berminat untuk menjadi peneroka KELDA jika dibandingkan dengan jumlah yang ditawarkan kepada mereka. Dari rekod yang ada dalam simpanan FELDA, 36% dari keturunan orang Cina, 7.9% dari keturunan India dan 10% dari lain-lain kaum telah menolak tawaran untuk menjadi peneroka.

Di samping itu bagi mereka yang telah menjadi peneroka pula yang telah masuk di rancangan FELDA sebanyak 23% dari mereka adalah dari keturunan Cina dan 12.6% daripada orang India yang diterima masuk telah keluar daripada rancangan FELDA dan mereka keluar

adalah secara sukarela. Kalau orang Melayu yang keluar FELDA banyak sebab-sebabnya. Ada juga yang kalau duduk di tepi pantai, dia tak boleh dengar desiran ombak, dia dengar riang-riang sahaja pun, dia tak boleh tidur dan keluar dari rancangan. Bagi orang-orang India dan orang-orang Cina, saya tidak dapat pastikan sangat. Tetapi kalau pengalaman di tempat-tempat lain umpamanya peneroka-peneroka daripada Eropah yang pergi ke Amerika, mereka sanggup biar berasak-asak di New York dan tidak berpindah ke kawasan-kawasan pertanian yang luas semesta alam. Jadi, mungkin juga kerana orang-orang Cina ini banyak yang datang mula-mula tinggal di bandar-bandar itu merasakan kehidupan di bandar itu lebih sesuai, maka apabila dipindahkan ke tempat baru dalam suasana kampung di luar bandar dan dipenuhi pula dengan orang-orang seperti orang Melayu, maka ada sedikit rasa tidak sesuai itu. Maka mereka dapati bahawa kehidupan di tempat asal dalam suasana 'urban' itu lebih menarik minat mereka. Ini bukan secara statistik tetapi secara pandangan saya sahaja.

**[Ketawa]** Ada orang ketawa, tetapi sebenarnya walaupun pandangan saya ini berdasarkan pengalaman, bukan pandangan petik daripada kepala sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Hamid Latif telah membangkitkan mengenai konsep penyusunan semula kampung-kampung tradisi yang terletak dalam kawasan Lembaga-lembaga Ketnajuan Wilayah yang mana pencapaian kemajuannya sehingga kini adalah kurang memuaskan. Tentulah antaranya yang berkaitan dengan infrastuktur seperti jalanraya dan sebagainya lagi.

Sukalah saya menjelaskan di Dewan yang raulia ini bahawa rancangan pembangunan kampung tradisional merupakan antara program-program utama yang dilaksanakan oleh Kementerian ini. Di samping kita memastikan bahawa rancangan-rancangan yang diaturkan oleh



Kerajaan dalam kawasan seperti di DARA, KEJORA, PERDA, KEDA dan KETENGAH dan sebagainya lagi itu, kita pastikan bahawa kampung-kampung tradisi yang berada dalam kawasan-kawasan yang disebutkan tadi itu mendapat layanan yang sepatutnya dan ini tidak memberikan gambaran bahawa kampung-kampung itu dilupakan begitu sahaja kerana kita memerlukan pembangunan yang setimpal supaya rasa puas hati itu didapati di kalangan peneroka-peneroka yang dirancangkan oleh Kerajaan dan juga penduduk kampung tradisi. Dalam perkara ini program perabangunan kampung tradisi telah dirangka secara menyeluruh dan bersepadu sejak tahun 1983 lagi. Program ini adalah diasaskan kepada konsep pembangunan luar bandar hala cara baru yang mempunyai tiga aspek utama, iaitu:

- (i) kemajuan pertanian dengan mengadakan cara pengurusan perladangan bagi pekebun-pekebun kecil dan bendang-bendang;
- (ii) pengwujudan industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian; dan
- (ii) pengelompokan dan penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk memungkinkannya pusat-pusat pertumbuhan baru.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sejumlah kira-kira \$54 juta telah diperuntukkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 21 buah projek utama yang telah dikendalikan oleh semua agensi Lembaga Kemajuan Wilayah di bawah Kementerian ini. Pada masa akan datang penekanan akan lebih diberikan kepada program pembangunan kampung tradisional ini terutama kepada projek-projek pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah reaksi dan jawapan saya terhadap pandangan, syor dan sebagainya oleh empat Ahli-ahli Yang Berhormat

yang saya sebutkan tadi. Bagi mereka yang telah memperkatakan tentang aktiviti-aktiviti pelaksanaan dan juga program-program di dalam Kementerian ini ketika perbahasan sebelum daripada pengumuman ini, kita mengucapkan terima kasih dan di mana yang sesuai tentu sekali kita akan memberikan perhatian yang serius dan seterusnya kita akan mengambil perhatian di dalam rumusan dasar kita pada masa yang akan datang khasnya pada tahun hadapan. Dengan itu, saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian menjawab.

5.37 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Muhamed Kassim bin Ahmed]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan, saya menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian Pertanian bersekali dengan jawapan-jawapan yang ada hubung-kaitnya dengan Kementerian Luar Negeri. Izinkan saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberi perhatian, cadangan dan teguran terhadap perkara-perkara yang berkaitan, dengan Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Mustafa Awang, projek Rompin-Endau merangkumi kawasan seluas 4,374 hektar yang meliputi kawasan Rompin Utama, Pontian dan Anak Endau. Lebih kurang 80% didapati sesuai untuk tanaman padi, sementara 20% lagi adalah kebanyakannya kawasan bermasalah yang diliputi oleh tanah gambut dan masam iaitu acid sulphate soil, dengan izin.

Walau bagaimanapun, memandangkan keputusan telah dibuat oleh Kerajaan pada tahun 1985 untuk mengurangkan pengeluaran beras ke

tahap 55% - 60% keperluan negara dan kawasan projek Rompin-Endau tidak dianggapkan sebagai salah satu kawasan jelapang padi negara di mana pengeluaran padi diberi tumpuan, maka projek pembangunan pertanian bersepadu Rompin-Endau telah dibubarkan pada akhir tahun 1986.

Sehubungan dengan itu tindakan telah diambil untuk mengagihkan infrastruktur, tugas dan tanggungjawab kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain. Ini tertnasuklah Empangan Anak Endau dan Empangan Pontian yang akan digunakan oleh Jabatan Kerjaraya untuk bekalan air domestik bagi bandar-bandar yang berdekatan. Ianya juga sekiranya sesuai akan digunakan oleh Lembaga Letrik Negara untuk perprojek mini-hidro. Kompleks pejabat dan rumah kakitangan projek telahpun diserahkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang untuk dijadikan Pusat Latihan. Di kawasan Rorapin-Utama seluas 300 hektar di tmana infrastruktur pengairannya dan lain-lain kemudahan telah siap sepenuhnya, serta peserta-peserta telah dimasukkan seramai 31 peserta, kawasan tersebut akan diteruskan dengan tanaman padi sehingga keputusan sebaliknya dibuat.

Pembangunan kawasan Rompin-Endau (tidak termasuk Rompin Utama) selanjutnya telah diserahkan kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, dan Kerajaan Negeri. Di kawasan tersebut infrastruktur pengairan yang dibina akan diubahsuai mengikut keperluan jenis tanaman baru yang akan dimajukan.

Berkaitan-dengan saranan Yang Berhormat Senator Dato Haji Abdul, Hamid bin Haji Latif, ingin saya menekankan di sini bahawa kajian terus dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian untuk mengurangkan kos pengeluaran bahan-bahan makanan.

Di samping itu, usaha-usaha juga dilaksanakan untuk meningkatkan produktiviti penguasaha dan penternak. Hasilnya ialah kemajuan yang menggalakkan telah dicapai bagi beberapa komoditi seperti daging lembu yang mana ianya dihasilkan dengan berasaskan sistem feedlot Kambing biri-biri pula telah diintegrasikan dengan tanaman kekal.

Melalui usaha-usaha ini, kita berharap supaya barangan kita dapat bersaing dengan barangan negara-negara luar dari segi harga dan mutu. Walau bagaimanapun, faktor-faktor luar seperti cuaca dan kesesuaian tanah akan mempengaruhi kos pengeluaran.

Dalam hal ini Kementerian Pertanian sedang membuat percubaan ke atas beberapa komoditi termasuk jagung bijirin bagi menentu kaedah pengeluaran yang amat sesuai sebelum menggalakkan pengeluarannya secara komersial.

Selain daripada itu kos buruh serta teknologi juga mempengaruhi kos pengeluaran komoditi-komoditi pertanian. Kajian-kajian yang

dibuat menunjukkan purata 40% daripada kos pengeluaran bahan makanan meliputi kos buruh. Bagi meminimakan kos buruh, Kementerian Pertanian telah memberi tumpuan yang berat dalam memperkenalkan penggunaan teknologi yang sesuai dalam pengeluaran bahan makanan.

Dari sudut pengiraportan, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian tidak hanya menjaga kepentingan pengeluar makanan, tetapi juga bertanggungjawab terhadap pengguna-pengguna agar mereka memperolehi bahan makanan dengan harga yang berpatutan. Dalam hal iui bahan-bahan makanan yang mana kos pengeluarannya adalah tinggi, pengimportan barang-barang tersebut wajar diteruskan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian telah, sedang dan akan terus melaksanakan program-program bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan, mengganti import serta menggalakkan eksport terutamanya hasil perikanan, buah-buahan dan daging,

Sekali lagi ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran terhadap beberapa perkara yang ada hubung-kait dengan Kementerian Pertanian, Mana-mana persoalan yang tiada berkesempatan bagi saya untuk menjawabnya percayalah bahawa pihak Kementerian Pertanian telahpun mencatatnya dan tindakan yang sewajarnya akan diambil jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-Senator yang telah membuat teguran mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri semasa perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1989 oleh Dewan yang

mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan G. Rajoo, saya ingin menyatakan bahawa Malaysia meraang berasa bangga dengan kejayaan kita untuk menduduki kerusi Majlis Keselamaan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai ahli tidak tetap selama-dua tahun mulai 1hb Januari, 1989. Pemilihan Malaysia mencerminkan kepercayaan masyarakat dunia akan keupayaan kita meraikul tanggungjawab yang berat mengenai kesetamatan dan keamanan.

Malaysia telah mendapat sokongan dari 143 negara-negara Asia, Afrika, Amerika Latin, Eropah Barat dan Eropah Timur. Malaysia berhasrat untuk memainkan peranan kita sebagai ahli MKBB dengan penuh tanggungjawab, dan penuh kerelaan bagi membantu MKBB mencari penyelesaian yang saksama terhadap isu-isu, yang dikemuka dan dibincangkan.

Malaysia akan cuba untuk mengadakan rundingan-rundingan dengan-negara-negara lain sebelum membuat pendirian mengenal sesuatu masalah keselamatan yang melibatkan bidang kuasa MKBB. Pendirian yang kita ambil kelak sepatutnya mencerminkan bukan sahaja pendirian kita tetapi perlu diambil kira pendirian negara-negara sahabat juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan syor yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Sivalingam mengenai keperluan Kerajaan membeli atau membina Pejabat-pejabat Perwakilan dan kediaman kakitangan di luar negeri. Saya suka menjelaskan bahawa pihak Kerajaan sememangnya sedar di atas perlunya kita mempunyai bangunan pejabat dan kediaman kakitangan perwakilan Malaysia di luar negeri. Bagaimanapun

keupayaan kita membeli atau membina bangunan-bangunan ini adalah terpulang kepada peruntukan kewangan semasa.

Untuk makluman Dewan ini, Kerajaan kita semeraangnya sudah mempunyai bangunan-bangunan sendiri di beberapa buah negara dan dari masa ke semasa Kerajaan akan terus membina dan membeli bangunan-bangunan untuk keperluan perwakilan dan kakitangan kita di luar negeri.

Menyentuh tentang kebajikan pelajaran anak-anak pegawai-pegawai kita di luar negeri Kerajaan memang menyediakan kemudahan pelajaran untuk semua kakitangan yang berkhidmat di luar negeri. Pegawai-pegawai biasanya ditempatkan di sesuatu negara untuk selama 3 hingga 4 tahun. Di dalam jangka waktu itu anak-anak pegawai yang bersekolah diberi kemudahan untuk bersekolah di tempat-tempat di mana pegawai-pegawai itu bertugas. Sekiranya anak-anak itu tidak mengikut pegawai-pegawai berkenaan dan mereka itu bersekolah di suatu negara lain ataupun di Malaysia anak-anak itu ataupun pegawai-pegawai yang berkenaan diberi kemudahan untuk menziarahi keluarga masing-masing sebanyak dua kali setahun. Dengan adanya kemudahan ini perhubungan kekeluargaan diharap tidak terjejas.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengambil berat tentang kebajikan pegawai-pegawai kita di luar negeri. Ucapan terima kasih juga dihulur kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi sokongan terhadap peningkatan dan tambahan kemudahan yang sedia wujud memandangkan betapa pentingnya kekeluargaan di dalam kehidupan setiap individu termasuk pegawai-pegawai kita di luar negeri yang terpaksa berpisah dengan

anak-anak kesayangan mereka di samping terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak bagi menyekolahkan mereka yang mana suasana ini bukanlah berpunca dari pilihan dan kerelaan mereka malah disebabkan oleh keadaan-keadaan yang memaksa mereka berbuat demikian.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat Senator Puan Sivalingam bahawa di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, isu-isu yang berkaitan dengan soal wanita, sosial dan undang-undang adalah di antara beberapa isu-isu yang diperbahaskan setiap tahun semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kedua-dua Jawatankuasa Ketiga dan Keenam PBB, menerima serta menimbangankan berbagai laporan yang disampaikan kepadanya oleh agensi-agensi khusus PBB seperti Suruhanjaya Mengenai Kedudukan Wanita.

Saya berpendapat adalah tidak perlu untuk mengkhassakan seseorang pegawai untuk mengikuti setiap isu yang dibincangkan di dalam PBB. Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa delegasi-delegasi Malaysia kepada PBB atau agensi-agensinya di New York, Geneva dan Vienna diberi bantuan yang mencukupi untuk membolehkan delegasi Malaysia mengambil bahagian di dalam perbincangan PBB dengan berkesan,

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan V. K. Sellappan supaya Kementerian Luar Negeri mencadangkan agar Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dipindah ke sebuah negara lain, saya ingin menyatakan bahawa beberapa buah negara ahli telah pun menyarankan pendapat sedemikian



dan mungkin akan dikaji dengan lebih mendalam sekiranya Kerajaan Amerika terus menghalang urusan kerja PBB. Untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi oleh delegasi PLO, keputusan telah pun diambil supaya Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu dipindahkan ke Geneva untuk membincangkan soal Palestin.

Berkenaan dengan usul Ahli Yang Berhormat Senator Tuan. C. Krishnan supaya Kerajaan Malaysia mencadangkan agar Tuan Nelson Mandela dibebaskan sepenuhnya oleh Regim kulit putih Afrika Selatan, saya ingin menyatakan bahawa Malaysia sentiasa mengutuk dasar Apartheid dan oleh yang demikian setentunya menyokong supaya Tuan Nelson Mandela dibebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja yang dapat saya jawab terhadap perkara-perkara dan pandangan-pandangan yang dibuat berkaitan dengan isu-isu dasar luar negara kita. Saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara berkaitan dengan dasar luar negeri. Terima kasih.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji**

**Russeini bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1989 di hadapan Majlis ini diluluskan dan sebaik-baik sahaja selepas itu Majlis ini akan ditangguhkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Vang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1989 di hadapan Majlis ini diluluskan dan sebaik-baik sahaja selepas itu Majlis ini akan ditangguhkan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya persilakan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**5.51 ptg.**

**Menteri Sain, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze]:** Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan ke atas Belanjawan 1989, Yang Berhormat Senator C. Krishnan telah membangkitkan satu perkara yang menyentuh fungsi Kementarian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar iaitu berkenaan dengan soal pelupusan sisa-sisa toksit dan berbahaya di kawasan Sepang, Selangor.

Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa hanya sisa-sisa toksit yang telah diolah atau treated with akan dibenar dilupuskan ke tapak pelupusan yang selamat (secured land field). Pada masa kini oleh kerana tiada apa-apa kemudahan pengolahan serta tapak-tapak pelupusan terselamat di negara ini, industri-industri besar yang mengeluarkan sisa-sisa toksit selepas pengolahan sisa-sisa tersebut terpaksa menyimpan sisa-sisa yang diolah itu di dalam tong di atas premis-premis mereka. Keadaan ini tidak boleh dibenarkan berlanjutan.

Di samping itu di negara kita terdapat juga industri-industri kecil dan sederhana yang juga mengeluarkan sisa-sisa toksit dan di mana tiada langsung sebarang kemudahan pengolahan di industri-industri itu. Oleh yang demikian kemungkinan besar industri-industri kecil dan sederhana yang dimaksudkan itu mencampurkan sisa-sisa toksit dengan pembuangan sisa-sisa biasa atau sampah sarap untuk pelupusan di kawasan pelupusan sampah sarap. Keadaan sedemikian sebenarnya akan membawa kesan-kesan buruk dari segi kesihatan kepada alam sekitar dan kawasan sekeliling industri-

industri tersebut. Dalam usaha untuk menentukan atau memilih tapak-tapak pelupusan terselamat, beberapa faktor akan diambil kira iaitu sama ada keadaan tanah-tanah adalah sesuai atau tidak dan juga tapak-tapak pelupusan tersebut diletakkan jauh dari sistem alor air serta tidak jauh dari industri-industri yang mengeluarkan sisa-sisa toksit.

Saya ingin menegaskan bahawa rekabentuk dan cara pembinaan tapak pelupusan terselamat akan mengikut standard-standard antara-bangsa dan dengan itu tidak akan mengalami apa-apa kebocoran. Kerajaan akan menentukan bahawa tapak pelupusan terselamat itu tidak akan membawa apa-apa kesan kepada rakyat dan alam sekitar. Kepentingan kesihatan umum adalah diberi keutamaan yang tinggi sekali. Mengenai tapak pelupusan terselamat yang dicadangkan di kawasan Sepang, Selangor kajian terperinci terhadapnya perlu dijalankan lagi. dan setakat ini belum ada apa-apa keputusan yang telah dibuat mengenainya. Sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat selain daripada Yang Berhormat Senator C. Krishnan yang benar-benar berminat untuk mengetahui butir-butir terhadap langkah-langkah keselamatan yang akan diambil untuk kemudahan pengolahan dan tapak pelupusan terselamat untuk sisa-sisa industri yang berkenaan, maka pihak Kementerian boleh mengaturkan satu taklimat khas dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan akan hadir. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam.

**5.56 ptg.**

**Menteri Perusahaan Awam [Dato Napsiah binti Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli

Yang Berhormat dari Balik Pulau, Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Perusahaan Awam.

Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah telah menyentuh perkara-perkara khusus mengenai pemohon-pemohon lesen teksi, bas kilang dan bas sekolah yang telah bermohon bertahun-tahun tetapi tidak mendapat lesen dan juga mengenai pemegang-pemegang lesen teksi yang menyewakan teksi mereka kepada orang lain.

Berhubung dengan perkara tersebut, terlebih dahulu saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat iaitu tidak semua pemohon-pemohon lesen kenderaan perdagangan dapat diluluskan walaupun mempunyai modal yang cukup. Pemohon-pemohon mestilah mencukupi syarat-syarat yang lain. Misalnya bagi teksi atau kereta sewa, syarat utamanya ialah pemohon mesti cukup tempoh pemegang lesen pengangkutan awam dan pengkalan teksi atau kereta sewa berkenaan masih kosong atau memerlukan teksi atau kereta sewa tambahan.

Bagi bas sekolah pula, syarat utamanya ialah ada keperluan dan ini perlu dibuktikan dengan senarai murid-murid sekolah yang telah disahkan oleh Guru-guru Besar berkenaan.

Pemohon bas kilang perlu membuktikan ia mempunyai kontrak dengan pekilang-pekilang dan menyenaraikan pekerja-pekerja kilang yang disahkan oleh majikan berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kebanyakan permohonan-permohonan yang ditolak adalah atas sebab-sebab tidak mencukupi syarat-syarat berkenaan. Saya sedar ada pemegang-pemegang lesen teksi menyewa atau membenarkan orang lain memandu teksi mereka. Perbuatan ini adalah salah dari segi undang-undang sekiranya ia dibuat tanpa izin Lembaga. Sekiranya pemegang-pemegang lesen

berkenaan didapati bersalah lesen mereka boleh digantung atau dibatalkan oleh LPKP. Walau bagaimanapun atas sebab-sebab kepentingan operasi, Lembaga telah banyak meluluskan pemandu-pemandu kedua bagi pemegang-pemegang lesen yang memohon mendapatkan pemandu-pemandu kedua. Ini adalah kerana tidak mungkin seorang pemegang lesen yang memandu boleh memandu teksinya sepanjang hari.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Menteri Kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Menteri Kesihatan.

**6.00 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya Ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa pandangan dan teguran yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby telah membangkitkan mengenai postmortem di atas mayat orang-orang Islam di Hospital Pulau Pinang yang tidak dapat dibuat segera kerana kekurangan pakar bedah mayat. Untuk makluman Yang Berhormat, pembedahan mayat di Hospital Besar Pulau Pinang pada satu ketika dahulu telah mengambil masa memandangkan ketiadaan pakar pathology di hospital berkenaan dan ianya dijalankan oleh pakar pathology dari Hospital Besar Alor Setar. Walau bagaimanapun, dengan adanya seorang pakar pathology yang telah ditempatkan di Hospital Besar Pulau Pinang pada bulan November tahun 1988 ini proses pembedahan dan penyerahan mayat kepada waris mereka akan dapat dipercepatkan.

Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah Mohd. Salleh meminta supaya pemeriksaan yang kerap dan rapi dapat dijalankan oleh Inspektor Kesihatan ke atas kantin serta tempat-tempat yang menjual makanan kerana beliau mendapati ubat-ubat serta racun-racun serangga ada ditempatkan bersama bahan-bahan makanan di kedai-kedai runcit. Tuan Yang di-Pertua, perlesenan untuk menjual atau mengimport racun-racun perosak termasuklah racun serangga adalah dibuat di bawah Akta Racun Perosak 1974 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pertanian. Sekiranya racun serangga ini hendak dijual di kedai-kedai runcit ianya hendaklah diletakkan di satu tempat khusus berasingan dari bahan-bahan

makanan. Pegawai-pegawai di Kementerian Kesihatan sentiasa memberi nasihat kepada pekedai-pekedai bagi mematuhi perkara ini.

Mengenai pemeriksaan oleh Inspektor Kesihatan, sukalah saya maklumkan bahawa Inspektor-inspektor Kesihatan dari Kementerian Kesihatan dan Penguasa-penguasa Tempatan adalah sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis ini di kawasan masing-masing. Kekerapan pemeriksaan rapi adalah sentiasa dipertingkatkan dari masa ke masa.

Yang Berhormat Tuan G. Rajoo pula meminta supaya dibuat pemeriksaan mengejut ke atas kilang-kilang pembuat makanan bagi mengelakkan trajedi kematian akibat keracunan makanan. Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan mengejut (spot check) adalah satu aktiviti yang dibuat oleh pegawai-pegawai penguasa dari Kementerian Kesihatan ataupun penguasa-penguasa tempatan di atas, kilang-kilang pembuat makanan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan kilang-kilang tersebut sentiasa berada dalam keadaan yang bersih dan sentiasa mengamalkan amalan pengilangan yang baik dan aktiviti ini akan dipertingkatkan lagi.

Mengenai saranan beliau supaya lebih ramai lagi pakar-pakar perubatan diambil bagi menampung kekurangan doktor-doktor pakar di hospital-hospital dimaklumkan Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha mengambil lebih ramai pakar-pakar perubatan bagi menampung kekurangan pakar dan menempatkan mereka di seluruh Hospital Besar dan beberapa buah Hospital Daerah tertentu untuk memberikan perkhidmatan perubatan yang lebih baik. Kementerian Kesihatan juga mempunyai sistem rujukan di mana pesakit-pesakit daripada sesuatu hospital boleh dirujuk kepada hospital lain yang mempunyai peralatan serta perkhidmatan yang diperlukan.



Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom Maasom meminta supaya dipercepatkan pembinaan bangunan baru Hospital Daerah Batu Pahat. Sebenarnya sebuah projek untuk membina Hospital Daerah baru di Batu Pahat telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelima dengan anggaran kos sebanyak \$66 juta, tetapi pelaksanaannya terpaksa ditunda kerana tidak diberi peruntukan. Namun demikian, projek tersebut telah dikemukakan semula dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima daa kali ini telah diberi peruntukan, insya Allah. Pembinaan dijangka bermula pada pertengahan tahun 1990 dan dijangka siap pada awal tahun 1993. Kenyataan ini tentulah membanggakan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom dan lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan ini kerana kedua-dua mereka ialah tokoh-tokoh veteran politik dan sosial daripada kawasan Batu Pahat.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah dipercepatkan lagi, sampai 1993 itu lambat sebab Yang Berhormat Menteri Kesihatan perlu sedar bahawa sekarang ini di seberang Sungai Batu Pahat/Muar itu orang sudah tegakkan satu hospital swasta 5 tingkat. Ini menunjukkan rakyat di Batu Pahat, 3 kawasan Parlimen, perlu bangunan hospital.

**Dato' Chan Siang Sun:** Buat masa sekarang kita juga ada Hospital Muar, masih ada. Jadi baru sahaja kita dapat peruntukan dan saya sendiri sudah berusaha berapa kuat untuk mendapat peruntukan ini. Barangkali jikalau pihak JKR yang akan melaksanakan projek ini boleh dapat dipercepatkan, tentulah sokongan sepenuhnya bila-bila masa daripada Kementerian Kesihatan akan dapat diberi. Jadi.....

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, Hospital Muar itu untuk 4 kawasan Parlimen; kawasan Ledang, kawasan Muar, kawasan Pagoh dan kawasan Bakri. Terima kasih.

**Dato' Chan Siang Sun:** Sebab itulah kita berikan keutamaan kepada hospital baru untuk kawasan Batu Pahat ini. Lain kawasan minta, saya katakan kawasan Batu Pahat yang penting, yang mustahak sekali. Sebab itulah saya beri keutamaan kepada projek ini. Boleh, okay!

Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King telah menyentuh sedikit tentang pembinaan baru Rumah Sakit Sibu dan keperluan Rumah Sakit Law King Howe yang didapati selalu penuh sesak dengan pesakit-pesakit. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan di seluruh negara, terutamanya di kawasan pendalaman termasuk negeri Sarawak. Pengagihan sumber bagi projek-projek pembangunan, kemudahan kesihatan di seluruh negara dibuat selepas kajian teliti dan terperinci dengan mengambil kira bahawaimbangan distribusi yang saksama dicapai bagi seluruh negara. Keutamaan akan diberi bagi kawasan yang masih belum ada lagi kemudahan-kemudahan kesihatan yang diperlukan. Jadi hospital baru akan dibina bagi menggantikan hospital yang sedia ada jika hospital tersebut tidak dapat lagi memperbesarkan untuk menampung pertambahan keperluan penduduk-penduduk.

Pelaksanaan Hospital Besar Baru Sibu telah diluluskan dan mendapat peruntukan untuk dimulakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima juga, dan soalan ini juga dapat saya menjawab kepada Yang Berhormat Senator itu pada 7hb Disember 1988 dan saya sukalah sekali lagi memaklumkan bahawa kerja-kerja penyediaan tapak dijangka mula pada awal tahun 1989 dan siap pada akhir tahun 1989 juga. Pembinaan hospital ini dijangka mula pada awal tahun 1990 dan akan siap pada pertengahan tahun 1993, lebih kurang serupa Hospital Besar Daerah Batu Pahat juga, ini ambil 3½ tahun untuk disiapkan. Anggaran kos projek ini adalah kira-kira sebanyak \$90 juta.

Seteruanya Yang Berhormat menyentuh juga tentang ketiadaan seorang pakar radiologi untuk memberi perkhidmatan atau rawatan radiotherapi di hospital berkenaan.

Adakah dimaklumkan bahawa seorang Pakar Radiotherapi telah ditempatkan di Hospital Law Keng Howe pada bulan Februari 1988 untuk memberikan perkhidmatan radiologi. Bagi rawatan radiotherapi, perkhidmatan ini disediakan di Hospital Besar Kuching oleh Jabatan Radiotherapi dan ianya memberi perkhidmatan bagi seluruh negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang peruntukan kewangan bagi pembinaan pusat kesihatan atau klinik desa bagi penduduk pedalaman, seumpamanya mereka yang tinggal dekat kawasan pembalakan di Sarawak. Dari masa ke semasa beberapa klinik-klinik kecil (sub-dispensary) dan klinik desa fasa 1 di negeri Sarawak dibina secara gotong royong oleh penduduk-penduduk tempatan. Bagi proses itu bahan-bahan keperluan pembinaan disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sarawak dengan menggunakan peruntukan mengurus atau operational expenditure, dengan izin, dan penduduk kampung memberikan sumbangan dari menyediakan tapak tanah serta tenaga kerja untuk membina klinik hingga siap secara gotong royong dengan bantuan Inspektor Kesihatan Awam dari Pusat Kesihatan yang berhampiran. Pembinaan kemudahan-kemudahan kesihatan perlu dikaji dari segi kesesuaian dan juga keperluan peruntukan supaya sokongan dapat dipertimbangkan untuk menyediakan tenaga pekerja. 6 buah projek klinik desa fasa satu tambahan telah diluluskan untuk dibina dan disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima khusus bagi negeri Sarawak. Projek-projek tambahan khas bagi negeri Sarawak untuk membina 6 buah klinik desa fasa 1, iaitu 3 klinik desa satu baru dan dua naik taraf dan 3 klinik kecil menjadi klinik desa satu telah

diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Projek-projek ini akan dibina secara gota-goyong dengan menggunakan peruntukan luar jangka, butiran projek 2, iaitu Program Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar Negeri Sarawak dengan anggaran kos berjumlah sebanyak \$98,000. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut;

- (a) 3 klinik desa; 1 baru di Long Billa, 1 di Teggalong dan 1 di Nangka Mirip Lubai.
- (b) naik taraf - 3 klinik kecil menjadi klinik desa satu, tempatnya ialah satu di Umaramba, kedua di Skim Tunoh, dan ketiga di Longkang.

Yang Berhormat Cik Noraini binti Haji Beluah telah membangkitkan mengenai ketiadaan hospital di daerah Maran dan Rompin di negeri Pahang. Kementerian Kesihatan memang ada cadangan untuk membina sebuah hospital di daerah Maran dan Rompin di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Projek Hospital Daerah Jengka, Maran akan memula pembinaan pada pertengahan tahun 1990. Buat masa ini pihak JKK sedang menyediakan pelan tapak bagi projek ini. Bagi projek Hospital Daerah Gua Shamsa, Rompin, JKR akan mula menyediakan plan tapak pada awal tahun hadapan dan pembinaan dijangka bermula pada akhir tahun 1990. Mengenai permohonan Ahli Yang Berhormat supaya satu bangunan tambahan dapat didirikan di Hospital Daerah Mentakab, Pahang Darulmakmur, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan telah merancang untuk membina sebuah hospital Daerah baru di Temerloh bagi menggantikan Hospital Daerah Mentakab, tetapi pelaksanaan projek ini tidak dapat diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Ini adalah kerana kajian keperluan perkhidmatan kesihatan bagi seluruh negeri telah mengesan beberapa kawasan lain yang lebih memerlukan sebuah hospital baru dalam jangkamasa yang sama. Kajian ini juga menunjukkan bahawa, bed occupancy rate, dengan izin, di hospital ini ialah lebih kurang 63% sahaja dan didapati memadai untuk menampung keperluan rawatan bagi penduduk-penduduk di kawasan ini buat masa sekarang. Walau bagaimanapun satu blok bangunan baru boleh diberi pertimbangan untuk menggantikan bangunan-bangunan yang lama dan mengurangkan kesesakan jika perlu.

Yang Berhormat Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff telah menyentuh tentang Hospital Daerah Keluang masih kekurangan tenaga pekerja, khususnya jawatan pakar bagi menampung pertambahan pesakit-pesakit luar dalam daerah Keluang dan persekitarannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar bahawa pada masa sekarang Kerajaan masih lagi kekurangan doktor-doktor pakar. Ini berlaku bukan sahaja di Hospital Daerah Keluang malahan di beberapa buah hospital yang lain. Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan akan menempatkan mereka di Hospital Daerah Keluang apabila keadaan mengizinkan. Walau bagaimanapun, perkhidmatan kepakaran ada disediakan di Hospital Daerah Keluang menerusi lawatan yang dijalankan oleh pakar bedah dan pakar perubatan umum bagi setiap 2 minggu. Kedua-dua pakar ini adalah dari Hospital Batu Pahat. Di waktu yang lain pesakit-pesakit dari Hospital Daerah Keluang yang memerlukan khidmat kepakaran akan dirujuk ke Hospital Besar Johor Baru untuk rawatan selanjutnya.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua jawapan-jawapan yang dapat

saya memberikan ke atas segala teguran-teguran dan masalah-masalah yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1989 sejak 5hb Disember lalu. Teguran-teguran ini akan diberi perhatian dan pertimbangan oleh Kementerian Kesihatan dalam masa pelaksanaan program-program yang dirancang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan.

**6.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memberikan jawapan bagi Kementerian Buruh bersekali dengan Kementerian Pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memberikan jawapan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai Kementerian Buruh.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan G. Rajoo, Yang Berhormat Senator, Tuan P. Balaram dan Yang Berhormat Tuan Senator Tuan C. Krishnan yang telah mengambil perhatian berat ke atas masalah perumahan pekerja-pekerja ladang dan lombong yang mana mengikut Ahli-ahli Yang Berhormat itu masalah ini telah mengakibatkan ladang-ladang mengalami masalah kekurangan tenaga buruh dan seterusnya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada buruh-buruh serta pekerja-pekerja asing yang kebanyakan masuk tanpa izin ke negara ini. Terlebih dahulu saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa skim memiliki rumah pekerja ini adalah satu rancangan sukarela yang digalakkan oleh Kerajaan untuk mendapat penyertaan para majikan ladang dan lombong membina rumah-rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh pekerja-pekerja mereka. Skim ini adalah bertujuan untuk membantu pekerja-pekerja ladang dan lombong memiliki rumah kediaman sendiri.

Kementerian Buruh sedar bahawa sambutan untuk menyertai skim ini boleh diperbaiki lagi. Namun demikian skim ini adalah merupakan satu proses sukarela yang berterusan, rancangannya memerlukan masa yang panjang dan melibatkan beberapa agensi Kerajaan selain daripada melibatkan kos yang besar.

Di bawah skim ini, pihak majikan ladang dan lombong dikehendaki menyediakan tanah bagi membina rumah-rumah kos rendah untuk dijual kepada pekerja-pekerjanya. Pihak majikan juga bertanggungjawab membantu mengaturkan pinjaman perumahan daripada institusi-institusi kewangan, mengemukakan permohonan-permohonan untuk mendapatkan kelulusan dari berbagai agensi Kerajaan yang terlibat, yang mana pada kebiasaannya proses ini mengambil masa yang panjang.

Proses-proses pelaksanaan skim ini termasuklah memohon untuk menukar syarat tanah daripada ladang kepada perumahan, memecah lot, memohon bekalan elektrik daripada LLN dan bekalan air daripada JKR, mendapat kelulusan daripada Penguasa-penguasa Tempatan, jika ladang-ladang mereka terletak di dalam kawasan Kerajaan Tempatan mendapat ulasan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan sebagainya.

Walaupun Skim Memiliki Rumah Pekerja ini adalah satu rancangan sukarela, Kementerian Buruh akan terus berusaha menggalakkan majikan ladang dan lombong menyertai Skim tersebut demi kebaikan pekerja-pekerja. Kementerian ini juga sedang mengkaji masalah-masalah yang dihadapi dengan lebih mendalam supaya Skim ini dapat dilaksanakan dengan lebih lancar pada masa hadapan.

Sehubungan dengan ini, langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Buruh adalah seperti berikut:-

- (i) mendapatkan kerjasama Kerajaan Negeri dan lain-lain ageasi Kerajaan Persekutuan yang terlibat untuk mempercepatkan pelaksanaan skim ini;
- (ii) Pegawai-pegawai Buruh dalam siri lawatan mereka ke ladang-ladang dan lombong-lombong, sentiasa menyan serta menggalakkan majikan supaya menyertai skim ini;
- (iii) Pegawai-pegawai Buruh juga memberi nasihat kepada majikan-majikan mengenai cara-cara mengemukakan permohonan untuk mendapa kelulusan tertentu daripada agensi-agensi Kerajaan yang bersangkutan;
- (iv) Kementerian Buruh sedang menubuhkan sebuah Jawatankuasa Koordinasi Kebangsaan bagi Skim Memiliki Rumah Pekerja yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Buruh supaya aktiviti-aktiviti mengenai pelaksanaan skim-skim di masa hadapan dapat dipertingkatkan lagi di peringkat Kebangsaan; dan
- (v) sebuah Jawatankuasa Kerja juga akan ditubuhkan untuk melaksanakan syor-syor dan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Koordinasi Kebangsaan tersebut.

Semenjak Skim Memiliki Rumah Pekerja dilaksanakan pada tahun 1973, 8 buah ladang dan sebuah lombong telah menyiapkan skim-skim mereka dengan membina 1,605 unit rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerja mereka. Di samping itu, 2 buah ladang dan 3 buah lombong sedang dalam proses melaksanakan projek masing-masing bagi membina sebanyak 2,082 unit rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerja mereka.



Di atas dasar-dasar sukarela sebenarnya penyertaan skim ini adalah baik, namun demikian Kementerian Buruh akan terus berusaha meningkatkan lagi penyertaan majikan ladang dan lombong untuk membina rumah-rumah pekerja.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Buruh.

Sekarang saya mohon izin untuk meneruskan jawapan bagi pihak Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan saranan untuk memperkemaskan lagi perjalanan aktiviti Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Senator Mustafa Awang telah menimbulkan isu pembinaan sekolah-sekolah di Terengganu yang sering tergendala sejak tahun 1987. Perkara ini tidak harus diperbesar-besarkan kerana bilangan sekolah yang terlibat hanyalah beberapa buah sahaja. Sebenarnya, Kementerian Pendidikan telahpun berusaha untuk menyediakan kemudahan persekolahan kepada penduduk terutama di kawasan luar bandar, termasuklah di kawasan Pantai Timur.

Masalahnya ialah kontraktor-kontraktor yang ditugaskan untuk menyiapkan sekolah-sekolah tersebut telah gagal menyiapkan tugas mereka mengikut tarikh yang dijanjikan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan senantiasa mengawasi kemajuan projek-projek pembinaan sekolah tersebut dan bekerjasama dengan pihak JKR untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Antara langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan ialah:-

- (i) mengadakan mesyuarat-mesyuarat tapak di antara pihak kontraktor, JKR, Kementerian Pendidikan dan lain-lain agensi yang terlibat dalam pembangunan untuk mengesan masalah yang timbul serta membuat saranan-saranan yang sesuai untuk mengatasi masalah rakyat;
- (ii) membuat tindakan susulan oleh pihak JKR mengikut kesesuaian situasi seperti mengeluarkan surat-surat amaran atau arahan memberhentikan kerja-kerja projek;
- (iii) memansuhkan kontrak apabila tempoh siap projek telah tamat; dan
- (iv) menjalankan proses tender semula projek.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin menimbulkan perkara yang berkaitan dengan guru-guru yang tidak kommitted sebagai pendidik. Kementerian Pendidikan hendaklah mengambil perhatian tentang perkara ini dan perlu mengambil langkah untuk mengubah sikap guru-guru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang menyedari adanya golongan guru-guru seperti yang telah disebutkan, namun bilangan golongan ini amat kecil. Keadaan demikian kadangkala dipengaruhi oleh suasana sosial dan fizikal tempat mereka ditugaskan. Setiap guru adalah tertakluk kepada penilaian prestasi tahunan oleh Pengetua atau Guru Besar masing-masing. Dalam hubungan ini adalah menjadi tanggungjawab Pengetua atau Guru Besar untuk membetulkan mana-mana guru yang lemah atau tidak kommitted supaya mempunyai satu sikap positif terhadap profesionnya.

Bagi memastikan guru-guru kommitted terhadap profesion perguruan, Kementerian Pendidikan mengambil beberapa langkah-langkah tertentu:-

- (i) menjalankan kursus dalam perkhidmatan yang bertujuan mempertingkatkan lagi prestasi mereka;
- (ii) sekolah-sekolah digalakkan mengadakan 'in-house training', dengan izin, yang bertujuan memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran.

Melalui kursus-kursus pembaharuan ini, adalah diharapkan guru-guru diberi 'input' baru dalam perkembangan pendidikan. Dengan adanya "input' baru adalah diharapkan guru-guru lebih komited lagi.

Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin juga menggesa supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula kurikulum memandangkan berlakunya pengangguran di kalangan lepasan pusat pengajian tinggi hasil dari pelaksanaan yang tidak sesuai dengan permintaan. Sebagai makluman Yang Berhormat, kurikulum sekolah di peringkat rendah dan menengah adalah sedang dalam proses penyemakan semula. Susunan dan penekanan Kurikulum Teras, mata-matapelajaran wajib dan elektif, mata-matapelajaran pilihan bagi peringkat Sekolah Menengah Atas adalah untuk permulaan pengkhususan yang bersesuaian dengan kerjaya.

Berhubung dengan masalah pengangguran di kalangan siswazah lepasan pusat pengajian tinggi, sebenarnya kurikulum baru sedang disusun dan disesuaikan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan di pusat-pusat pengajian tinggi dengan mengambil kira kesesuaian dengan keperluan permintaan tenaga kerja.

Di antara faktor-faktor yang diambil kira dalam usaha menyesuaikan kurikulum ini ialah:-

- (i) kurikulum yang tidak rigid dari segi latihan, isi kandungan, masa Latihan, bahan-bahan latihan;

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, izinkan saya mengganggu sebentar.

Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat Seksyen 6(3), saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom untuk mempengerusikan mesyuarat ini, dipersilakan.

[Tuan Haji Shaharom **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Sila Yang Berhormat Dato Wan Abu Bakar meneruskan ucapan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keduanya, tenaga pengajar yang sentiasa mengikut perkembangan industri dan mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengubahsuai kurikulum mengikut keperluan.

Yang ketiga, peruntukan yang mencukupi untuk melengkapkan bengkel-bengkel dengan kemudahan-kemudahan dan bahan-bahan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai syor untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ibunda untuk rakyat Malaysia seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih, ingin ditegaskan bahawa status Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Negara adalah termaktub dalam Perlembagaan Negara, Laporan Jawatankuasa Kabinet dan sukatan pelajaran Bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia telah dijadikan bahasa

pengantar utama di sekolah dan diajarkan sebagai matapelajaran wajib sejajar dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang telah dipersetujui bersama.

Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih juga menimbulkan isu mengenai penumpuan kepada matapelajaran sains dan ilmu hisab.

Sebagai makluman Yang Berhormat kurikulum yang dirangka bagi peringkat rendah dan menengah memang menitikberatkan bidang sains dan matematik ataupun ilmu hisab, malahan sains dan matematik merupakan matapelajaran-matapelajarati teras ataupun wajib di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih dari Pulau Pinang juga yang meminta Kementerian Pendidikan memberikan perhatian terhadap pertubuhan Al-Arqam yang memesongkan pelajar-pelajar sekolah. Sebenarnya Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Pekeliling Ikhtisas Agama 3/1979:

"Bahawa setiap aktiviti keagamaan dari pertubuhan-pertubuhan luar dan juga orang-orang perseorangan tidak benar diadakan di sekolah-sekolah melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar Sekolah-sekolah Negeri dari Guru Besar berkenaan."

Kegiatan pertubuhan Al-Arqam di kalangan pelajar-pelajar adalah tertakluk kepada pekeliling tersebut dan sentiasa mendapat pengawasan dari Guru-guru Besar, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Jendol membangkitkan soal memberi kuasa yang lebih atau mencukupi kepada Pengetua atau Guru-guru Disiplin. Mengikut peruntukan yang terkandung dalam Ordinan Education (School Discipline Regulations 1959), dengan izin:

"Kuasa disiplin yang ada pada Pengetua adalah mencukupi."

Para 6, Ordinan tersebut juga membolehkan Pengetua menurunkan kuasa kepada guru-guru yang berdaftar bagi satu-satu kes disiplin.

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol juga menimbulkan isu mengenai peruntukan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang akan tamat pada tahun 1988 dan mengesyorkan juga agar peruntukan perlu diteruskan untuk menjamin kejayaan KBSR.

Kementerian Pendidikan ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas perhatian berat. Yang Berhormat terhadap perkembangan pendidikan khususnya mengenai KBSR ini.

Adalah benar peruntukan KBSR telah tamat pada tahun 1987 untuk tahun 6 pelaksanaan 1988. Oleh yang demikian peruntukan perlu diteruskan demi menjamin kejayaan KBSR. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan untuk sebuah sekolah perlu dikurangkan. Ini adalah kerana peruntukan yang diperlukan hanyalah untuk membiayai bahan-bahan habis pakai dan kursus-kursus untuk mempertingkatkan prestasi guru-guru berhubung dengan KBSR. Sungguhpun peruntukan KBSR akan ditamatkan pada tahun ini, Kementerian masih terus memberi bantuan perkapita pada sekolah-sekolah bagi membantu menjayakan KBSR.

Menyentuh Matapelajaran Alam dan Manusia yang digesa supaya dikaji semula, sebenarnya adalah menjadi dasar Kementerian

Pendidikan untuk sentiasa mengkaji keberkesanan sesuatu kurikulum yang sedang dilaksanakan serta memperbaiki mana-mana aspeknya sekiranya terdapat apa-apa kelemahan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (yang sedang mempengerusikan mesyuarat sekarang ini) mencadangkan supaya Pegawai Dakwah yang terlabih dihantar ke negara-negara di mana terdapat pelajar-pelajar Malaysia.

Sebenarnya Kementerian Pendidikan memang menyedari tentang perlunya pegawai-pegawai agama yang terlatih dihantar ke negara-negara di mana terdapat pelajar-pelajar Malaysia. Untuk tujuan itu setakat ini seramai 8 orang pegawai dakwah telah ditempatkan di beberapa buah tempat seperti berikut:

- (i) Washington
- (ii) Chicago
- (iii) Los Angles
- (iv) Toronto
- (v) London
- (vi) Kaherah
- (vii) Sydney

dan baru-baru ini seorang pegawai agama ditempatkan di New Zealand. Pegawai-pegawai ini menjalankan tugas mereka sebagai Pegawai Kebajikan Pelajar, di samping memberikan perhatian yang khusus dalam bidang bimbingan agama termasuk mengatasi serta menyelesaikan masalah-masalah pelajar khususnya yang bersangkutan dengan agama.

Kementerian Pendidikan akan berusaha menambah bilangan pegawai ini dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Menyentuh perkara mewujudkan sistem pondok di seluruh negara seperti yang diwujudkan di Bachok, Kelantan untuk melahirkan ulama pelapis oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, Kementerian Pendidikan menyambut baik cadangan Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, oleh kerana sistem pondok ini adalah merupakan suatu sistem pendidikan agama tradisi yang biasanya dikendalikan oleh pihak rakyat atau Majlis Agama Islam Negeri, maka adalah dirasakan lebih wajar cadangan mengkaji sistem ini dikemukakan kepada Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan bersedia memberi sokongan dan bantuan kepakaran dalam mengendalikan kajian tersebut.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom juga menimbulkan persoalan yang berkaitan dengan pemeriksaan ke atas penjualan makanan ringan di kantin-kantin sekolah. Kantin sekolah sentiasa diberi perhatian khusus oleh para pegawai Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta Pengetua atau Guru Besar yang berkenaan, para Pegawai Jabatan Kesihatan Daerah dan Negeri serta Kerajaan Tempatan juga turut menjayakan usaha ini.



Di antara aspek yang diteliti termasuklah kesesuaian penyediaan dan penyimpanan bahan-bahan makanan dan minuman.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tuan G. Rajoo, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian ke atas program-program ijazah di bidang perubatan yang dijalankan oleh universiti-universiti tempatan. Bagi program ijazah lanjutan pula, bilangan pelajar telah bertambah setiap tahun untuk melahirkan lebih ramai lagi pakar-pakar perubatan di negara ini.

Walau bagaimanapun, pengambilan pelajar-pelajar terpaksa di sesuaikan dengan kemampuan Fakulti Perubatan tersebut, kemudahan yang sedia ada di Fakulti berkenaan, bilangan tenaga pengajar dan peruntukan yang disediakan bagi menjalankan program tersebut.

Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh telah meminta Kementerian Pendidikan mengawal selia sekolah swasta agar apa yang dicita-citakan oleh Kerajaan menerusi pendidikan boleh dicapai, Bagi memastikan cita-cita Kerajaan menerusi pendidikan di sekolah-sekolah swasta boleh dicapai, pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan juga Jabatan Pendidikan Negeri dari masa ke semasa mengadakan lawatan pemeriksaan ataupun kawal selia ke sekolah-sekolah swasta tersebut. Kementerian Pendidikan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kawal Selia sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan swasta di peringkat Kementerian dan juga Jabatan Pendidikan Negeri. Antara objektif utama penubuhan jawatankuasa ini ialah:-

- (i) Mengkaji perkembangan pesat dalam penubuhan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan swasta di negara ini.
- (ii) Meneliti sama ada penubuhan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan ini serta kursus-kursus yang dijalankan adalah selaras dengan Dasar-Pendidikan Kebangsaan dan bersesuaian dengan kepentingan negara.
- (iii) Mencadangkan dasar-dasar yang boleh dilaksanakan bagi penubuhan sekolah-sekolah, dan institusi-institusi pendidikan.
- (iv) Mencadangkan tindakan-tindakan untuk mengawal selia penubuhan dan perjalanan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan untuk menjamin mutu pendidikan yang baik di samping menjaga kepentingan orang ramai,

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh juga menimbulkan isu berhubung dengan pendidikan vokasional. Kurikulum bagi semua kursus yang dinyatakan memanglah dikaji semula dari masa ke semasa mengikut keperluan industri. Tujuan pendidikan vokasional adalah untuk memberikan latihan vokasional yang luas dalam bidang-bidang yang tertentu supaya pelajar dapat menerima, on the job training dari industri apabila mereka diterima bekerja. Ini bermakna bukanlah menjadi tujuan utama pendidikan vokasional untuk membolehkan pelajar-pelajar terus dapat berdikari sebaik sahaja tamat persekolahan mereka. Selain daripada memberikan kemahiran-kemahiran dalam bidang tertentu, pelajar juga diberikan pendedahan kepada unsur-unsur keusahawanan. Dengan

pelajaran ini, pelajar-pelajar mempunyai asas keusahawanan yang diperlukan. Dari pertambahan pengalaman dan pendedahan di alam pekerjaan, adalah dijangka pelajar-pelajar akan sanggup berdikari di masa hadapan.

Yang Berhormat Tuan A.K. Sivalingam meminta Kementerian Pendidikan untuk mengambil perhatian tentang nasib sekolah-sekolah Tamil. Kementerian Pendidikan sememangnya telah dan sedang melaksanakan kursus perguruan asas dalam cuti untuk guru-guru sandaran tidak terlatih bagi semua jenis sekolah, termasuk SRJK (Tamil).

Mengenai permintaan Yang Berhormat Tuan A.K. Sivalingam supaya Kementerian Pendidikan mengambil perhatian tentang nasib sekolah-sekolah Tamil, sebagai makluman Yang Berhormat, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang dipajak atas tanah-tanah ladang adalah merupakan sekolah bantuan penuh bukan milik Kerajaan. Sekolah-sekolah berkenaan adalah milik Lembaga Pengurus. Oleh itu, urusan mendapatkan tapak berkenaan adalah tanggungjawab Lembaga Pengurus. Kementerian Pendidikan hanya memberi bantuan modal dari segi pembinaan bangunan sahaja.

Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King telah menimbulkan isu mengenai Akta Pendidikan yang mana semasa Kementerian Pendidikan mengkaji semula dan merumuskan Akta tersebut, Kementerian janganlah menghadkan dan menyulitkan penubuhan serta perkembangan kolej dan tadika swasta. Beliau juga menyatakan Kementerian Pendidikan haruslah menyediakan peruntukan bagi membiayai pengurusan kedua-dua institusi berkenaan. Soal penubuhan dan perkembangan kolej serta tadika swasta ini akan diberi perhatian yang sewajarnya semasa kajian Akta Pendidikan dijalankan.

Walau bagaimanapun, mengenai soal pembiayaan peruntukan bagi mana-mana kolej dan tadika swasta, dukacita dinyatakan bahawa Kementerian Pendidikan tidak dapat mempertimbangkannya kerana Kementerian sendiri mempunyai institusi-institusi yang perlu dibiayai. Lagipun institusi-institusi sedemikian tidak menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng menimbulkan isu pemilihan kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah asrama penuh, hendaklah adil supaya anak-anak orang kaya ataupun pegawai kanan tidak menggunakan pengaruh untuk memasuki asrama penuh dan menggesa supaya Kementerian ini menyemak semula sistem pengambilan ke asrama penuh supaya penuntut luar bandar dapat lebih peluang masuk ke asrama penuh.

Untuk makluman Yang Barhormat dasar pemilihan kemasukan pelajar ke sekolah-sekolah berasrama penuh sememangnya mengatamakan pelajar-pelajar dari luar bandar. Dasar yang digunakan sekarang ialah 70% luar bandar dari 30% bandar adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Tindakan Negara.

Pihak Kementerian Pendidikan sentiasa menyemak sistem pelajar-pelajar ke sekolah berasrama penuh dari masa ke semasa supaya ianya tidak lari dari matlamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King berhubung dengan usul untuk melonggarkan kriteria penuntut untuk mengikuti pendidikan teknik dari vokasional dan pendidikan tinggi berdasarkan kriteria yang sedia ada sekarang ini tempat yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar adalah terhad sedangkan permohonan untuk memasuki institusi-institusi tersebut berlipat kali ganda. Oleh itu, sebarang bentuk kelonggaran syarat-syarat kemasukan tidak dapat dilakukan kerana syarat-syarat yang sedia ada sudah cukup sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh, Kerajaan menyedari tentang jenis dan judul bahan bacaan bagi kanak-kanak masih kurang. Usaha telah dimulakan untuk mengatasi perkara tersebut dengan projek-projek berikut:-

- (i) DBP menganjurkan Minggu Kawanku Buku tiap-tiap tahun untuk menggalakkan bakat-bakat menulis untuk kanak-kanak.
- (ii) Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan mengadakan kursus untuk para editor dan penjual buku,
- (iii) Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan mengadakan hadiah buku Malaysia untuk menggalakkan para penerbit menerbitkan lebih banyak lagi judul yang bermutu untuk kanak-kanak.
- (iv) Kementerian Pendidikan memperuntukkan wang untuk pembelian buku-buku kanak-kanak bagi mengisi pusat-pusat sumber sekolah, buku-buku yang ada boleh dipinjam oleh murid-murid bila-bila masa termasuk masa cuti sekolah.

Yang Berhormat Senator Tuan G. Rajoo mengemukakan supaya semua sekolah-sekolah mendapat bekalan air dan api secara percuma dan beliau juga menyeru Kementerian meningkatkan kadar bantuan PCG. Sebenarnya, Kementerian Pendidikan sedang berusaha dengan pihak-pihak berkenaan untuk mengkaji kemungkinan kadar bayaran api bagi sekolah-sekolah diturunkan.

Selain dari itu, Kementerian Kewangan telah meluluskan kadar baru bagi bantuan BCG pada tahun 1982. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kadar baru ini tidak dilaksanakan lagi memandangkan keadaan ekonomi negara tidak mengizinkan pelaksanaannya, oleh sebab ianya melibatkan implikasi kewangan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Nasir bin Haji Manap telah mengemukakan isu supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula keputusan membenarkan penubuhan-penubuhan institusi-institusi pengajian tinggi swasta untuk implikasi kesan dalam jangka panjang. Sebagai makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan ada mempunyai kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 mengenai penubuhan sekolah-sekolah ini. Semua keputusan untuk mengkaji penubuhan sekolah-sekolah swasta sama ada peringkat, rendah menengah dan tinggi diwajibkan mengikuti garis panduan-garis panduan seperti yang termaktub dalam Akta tersebut. Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan tertentu jika didapati sekolah-sekolah yang telah dibenarkan menjalankan program-program mereka tetapi telah terkeluar dari garis panduan tersebut.

Yang Berhormat Dr. Chong Eng Leong telah mengemukakan cadangan supaya mewujudkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi membaiki sekolah-sekolah uzur. Sebagai makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa menyediakan peruntukan untuk menyelenggarakan semua sekolah. Peruntukan yang disediakan itu adalah disalurkan melalui Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri dan kemudian diagih-agihkan. Oleh kerana peruntukan yang disediakan

itu amat terhad pada satu-satu tahun masalah memperbaiki sekolah-sekolah uzur seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu terpaksa diperbaiki secara beransur-ansur.

Yang Berhormat berkenaan juga memaklumkan isu mengenai anak pendatang tanpa izin di sekolah-sekolah di negeri Sabah serta mencadangkan, peruntukan diambil kira bagi mengatasi masalah ini. Atas perikemanusiaan, Kementerian Pendidikan senantiasa mengambil perhatian berat terhadap kamasukan anak-anak pendatang tanpa izin di sekolah-sekolah di Sabah. Atas dasar tersebut juga Kementerian Pendidikan membenarkan perkara ini dijalankan.

Berkaitan dengan peruntukan bagi menghadapi masalah ini, Kementerian Pendidikan hanya mampu menyediakan peruntukan-peruntukan berdasarkan keputusan yang telah dibuat oleh agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator P. Balaram mengemukakan isu supaya kementerian Pendidikan mengadakan peraturan undang-undang yang boleh membentuk pelajar-pelajar yang bertanggungjawab bagi tujuan melahirkan satu generasi yang berdisiplin dan mahir. Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah untuk menyatakan secara hitam putih falsafah pendidikan negara yang menekankan bahawa matlamat pendidikan adalah untuk membentuk manusia yang baik berasaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Berlandaskan hasrat tersebut, kurikulum sekolah-sekolah telah digubal dengan memasukkan aspek-aspek disiplin. Ianya meliputi penanaman nilai dan sikap seperti menghormati dan mematuhi undang-undang, kesanggupan seseorang itu bekerja dengan tekun dan tertib, menghormati hak individu-individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkah-laku yang baik dan

sebagainya. Pendidikan disiplin tersebut dilaksanakan dalam aspek-aspek pendidikan formal dan tidak formal dalam hubungan ini, sekolah-sekolah digalakkan mewujudkan budaya yang membantu memupukkan nilai-nilai yang dikehendaki. Sekolah juga telah diarahkan untuk mempergiatkan lagi peranan PIBG supaya ibubapa sama-sama menyedari hasrat tersebut.

Selanjutnya bagi membentuk masyarakat yang mahir kurikulum sekolah kini telah digubal semula dengan memberi perspektif baru kepada penguasaan, kemahiran dan praktik asas bagi menjadikan pelajar-pelajar lebih bersedia menerima latihan lanjut dalam berbagai bidang kerjaya yang berasaskan kemahiran-kemahiran praktik. Mereka juga boleh menggunakan kemahiran asas tersebut dalam kehidupan seharian.

Menyentuh isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator A. K. Sellappan yang menyarankan supaya ditambahkan peruntukan biasiswa kepada pelajar-pelajar miskin yang pendapatan ibubapa mereka di antara \$300 - \$500 sebulan, sebenarnya dasar pemberian biasiswa Kementerian Pendidikan ialah dengan memberikan keutamaan kepada pelajar-pelajar yang ibubapa mereka dari golongan orang-orang yang miskin atau berpendapatan rendah. Setakat ini peruntukan dan dasar pemberian biasiswa adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, keadaan ini akan dikaji dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh menyentuh tentang guru-guru yang dilatih oleh Kementerian Pendidikan dalam bidang khusus tetapi ditempatkan pada tempat yang tidak ada kaitan dengan pengkhususannya. Menurut beliau tindakan ini sangat merugikan negara. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan



menggunakan sepenuhnya guru-guru dalam bidang pengkhususan masing-masing, tetapi dalam beberapa perkara ia tidak dapat dielakkan kerana mereka yang mempunyai pengkhususan dalam satu mata pelajaran dikehendaki juga mengajar matapelajaran yang lain. Hal ini berlaku disebabkan antara lain:

- (i) guru yang mempunyai pengkhususan dalam satu-satu matapelajaran tidak lagi mengajar pengkhususan yang tersebut apabila ia ditukar ke sekolah lain kerana di sekolah tersebut telah sedia ada guru yang mempunyai pengkhususan yang sama;
- (ii) dasar pertukaran guru-guru antara negeri adalah berdasarkan kepada kekosongan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan; dan
- (iii) walaupun guru-guru itu mempunyai pengkhususan dalam satu-satu mata pelajaran tetapi mereka boleh juga diminta untuk mengajar matapelajaran yang lain.

Menyentuh mengenai isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King, Kementerian Pendidikan tidak melupakan Sarawak dalam program pembaikan bilik darjah dan peralatan kerana kebanyakan sekolah jenis kebangsaan di Sarawak dibina sebelum merdeka, Sebenarnya setiap tahun Kementerian Pendidikan memang menyediakan peruntukan di bawah tajuk Penyelenggaraan Bangunan dan Alat Gantian Perabut bagi semua negeri untuk membantu menyelesaikan masalah yang dibangkitkan.

Mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Tan Chong Keng yang menyarankan supaya Kerajaan menjimatkan wang negara dengan tidak menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri dan wang sebanyak itu boleh disalurkan untuk menambah ataupun membesarkan universiti-universiti tempatan. Sebenarnya penghantaran pelajar-pelajar tajaan Kerajaan keluar negeri telah dikurangkan. Pelajar-pelajar hanya dihantar keluar negeri bagi mengikuti kursus-kursus yang tidak terdapat di dalam negeri ini atau mengikuti kursus-kursus di mana tempat yang dapat ditawarkan oleh universiti-universiti tempatan adalah terhad.

Menyentuh perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan supaya peruntukan untuk teknologi pendidikan disalurkan kepada semua sekolah di Malaysia, sebenarnya cara ini sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan berdasarkan keutamaan, serta peruntukan wang yang diberikan;

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Yang Berhormat Dato, saya minta maaf, saya tempohkan mesyuarat ini selama 20 minit untuk Solat Maghrib. Yang Berhormat Dato boleh menyambung selepas **ini**. Mesyuarat ditempohkan.

**Persidangan ditempohkan pada pukul 7.03 malam.**

**Persidangan disambung semula pada pukul 7.37 malam.**

[Tuan Haji Shaharom **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membawa satu usul. Silakan, Yang Berhormat.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun usul yang telah diluluskan tadi, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(2) Dewan ini hendaklah ditangguhkan apabila selesai sahaja Menteri Pendidikan memberikan jawapannya.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu bahawa walau apapun usul yang telah diluluskan tadi, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(2) Dewan ini hendaklah ditangguhkan apabila selesai sahaja Menteri Pendidikan memberikan jawapannya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun usul yang telah diluluskan tadi, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(2) Dewan ini hendaklah ditangguhkan apabila selesai sahaja Menteri Pendidikan memberikan jawapannya.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Jemput Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyambung jawapan. Silakan.

**7.39 mlm.**

**Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan sedikit sahaja lagi jawapan kepada masalah-masalah yang dibangkitkan bagi Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Senator Puan Rokiah binti Zainuddin membangkitkan isu mengenai penambahan guru-guru perpustakaan yang terlatih. Kementerian Pendidikan melaksanakannya melalui langkah-langkah berikut:

- (i) menganjurkan kursus-kurus dalam perkhidmatan untuk guru-guru;
- (ii) memberikan kursus setahun dalam bidang perpustakaan di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras;
- (iii) melengkapkan bilik-bilik bacaan ataupun perpustakaan di sekolah-sekolah

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator Dr. Nawawi Mat Awin supaya dikaji dahulu kesannya sebelum mengiktiraf ijazah,Universiti Taiwan, sebenarnya Kementerian Pendidikan melaksanakan sesuatu tindakan atau keputusan itu setelah ia membuat kajian terlebih dahulu iaitu berdasarkan kepada kesesuaian dan keperluan negara.

Menyentuh isu daripada Yang Berhormat Senator, V.K., Sellappan yang meminta peruntukan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) ditambah, sebenarnya Kementerian sentiasa mempertimbangkannya dan ia bergantung kepada peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan.

Mengenai peruntakan kepada sekolah-sekolah menengah teknik swasta dan mengiktiraf sijil mereka, sebenarnya sekolah jenis ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Mengenai sijil dari institusi-institusi swasta, sebenarnya terdapat sebuah Jawatankuasa Khas yang bertanggungjawab mengkaji dan menimbang kelayakan-kelayakan dari institusi-institusi dalam dan

luar negeri di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Mengenai isu Yang Berhormat Senator Dahalan bin Haji Embun supaya diberikan penekanan tulisan Jawi dalam KBSR. sebenarnya hal ini telahpun diambil perhatian dan keutamaan termasuk dalam pengajian al-Quran di sekolah-sekolah.

Yang Berhormat Senator Douglas Sullang Anak Ganda meminta Kementerian Pendidikan seharusnya menempatkan guru-guru yang sudah berpengalaman di sekolah-sekolah luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah guru-guru lulusan maktab yang ditempatkan di sekolah-sekolah setiap tahun adalah kecil jika di bandingkan dengan jumlah guru berpengalaman yang sudah ada di sekolah-sekolah berkenaan. Dengan lain perkataan di luar bandar jumlah guru-guru berpengalaman sudah mencukupi.

Mengenai guru-guru Semenanjung merampas peluang penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak, sebenarnya penempatan guru-guru tersebut adalah merupakan langkah sementara sehingga Maktab-maktab Perguruan di Sabah dan Sarawak dapat melatih anak-anak tempatan untuk menampung keperluan di negeri Sabah dan Sarawak secukupnya. Penempatan guru-guru Semenanjung ke Sabah dan Sarawak seharusnya tidak dianggap sebagai merampas peluang penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak kerana sebenarnya pemergian guru-guru Semenanjung adalah satu pengorbanan di pihak mereka dengan tujuan membantu murid-murid di Sabah dan Sarawak dan untuk menyelesaikan masalah sementara kekurangan guru-guru terlatih di Sabah dan Sarawak sekarang.

Jumlah guru-guru Semenanjung yang mendapat latihan di Maktab yang akan ditempatkan ke Sabah dan Sarawak pada tahun 1989 ialah bagi guru sekolah rendah di Sabah seramai 331 orang, manakala di

Sarawak 305 orang, bagi sakolah Menengah bilangannya adalah 37 orang di Sabah dan 56 orang di Sarawak sementara itu 6 orang guru dari Sarawak telah ditempatkan di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ulasan Kamentarian mengenai perkara-perkara, yang dibangkitkan mengenai Kamentarian Pendidikan. Perkara yang tidak sempat saya sentuh dalam ulasan saya tadi adalah dalam perhatian Kementarian Pendidikan. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran yang membina. Terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan mesyuarat sehingga esok jam 2.30 petang. Masyuarat ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 7.45 malam.**